



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

# **DEWAN NEGARA**

*Senate*

## *Senate*

## PARLIMEN KETUJUH

## *Seventh Parliament*

## PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I

Bil. 12

Hari Selasa

16hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

## MENGANGKAT SUMPAH:

T.B. Tuan C. Krishnan

(Ruangan 1)

## PENGUMUMAN TIMBalan YANG DI-PERTUA:

## Mengalih-alukan Ahli Baru

(Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULIT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 2)

## RANG UNDANG-UNDANG:

## Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Garis (Pindaan)

(Ruangan 38)

## Rang Undang-undang Kewangan

(Ruangan 82)

## Rang Undang-undang Svarikat (Pindaan)

(Ruangan 110)



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Selasa, 16hb Disember, 1986**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan C. Krishnan

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****HOSPITAL LAU KING HOWE SIBU - PERKHIDMATAN**

**1.** **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan jumlah penduduk semakin bertambah dengan pesat tiap-tiap tahun dan keperluan/tuntutan penduduk terhadap perkhidmatan kesihatan pun semakin meningkat, tetapi Rumah Sakit Lau King Howe Sibu sangat berkurangan pegawai perubatan dan kemudahan untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit (hanya terdapat 12 orang doktor, 6 pakar dan 424 katil), apakah Kerajaan ada rancangan untuk menambah pegawai perubatan dan memperluas ruangan (wad) di Rumah Sakit t&b dalam tahun 1987 atau dalam RML ini, atau apa tindakan akan diambil untuk mengatasi perkara tersebut.

**Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Lau King Howe Sibu mempunyai 414 katil dengan kadar penggunaannya sebanyak 80%. Bilangan pesakit luar sehari adalah 491 orang dan bilangan pesakit yang memasuki wad sehari adalah 49.

Kementerian Kesihatan telah mengisi 5 dari 8 jawatan doktor-doktor pakar dan 17 dari 26 jawatan pegawai-pegawai perubatan. Baki jawatan pegawai perubatan akan **diisi** apabila keadaan mengizinkan. Tambahan jawatan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada beban kerja di Hospital Lau King Howe.

Pada pertengahan bulan Ogos, 1986 Jabatan Pesakit Luar yang kedua telah dimulakan. Sebanyak 100 pesakit sehari telahpun diberi rawatan di sana.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML), satu hospital baru dengan poliklinik telahpun diluluskan. Memandangkan kemelesetan ekonomi negara kita dan kekurangan sumber kewangan, perkara ini sedang dikaji semula.

**PENAGIH DADAH - RAWATAN**

2. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penagih-penagih dadah yang sedang menerima rawatan di pusat-pusat rawatan dan pemulihan yang disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri pada masa ini;
- (b) berapa ramat penagih-penagih dadah yang telah habis tempoh dan keluar dari pusat-pusat rawatan dan pemulihan yang telah mendapat pekerjaan dengan Kerajaan, swasta atau bekerja sendiri; dan
- (c) bersetujukah kalau saya katakan bahawa sebahagian besar masyarakat tidak dapat menerima bekas penagih-penagih dadah itu kembali semula kepada mereka. Jika bersetuju, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kementerian untuk memberi kefahaman kepada masyarakat yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Seramai 2,056 orang penagih sedang menerima rawatan dan pemulihan dadah di 7 buah Pusat Pemulihan Dadah yang disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri.
- (b) Bilangan bekas penagih yang telah mendapat kerja sama ada dengan Kerajaan, swasta atau persendirian tidak dapat dijelaskan oleh kerana Kementerian Dalam Negeri belum membuat sebarang kajian untuk maksud ini. Walau bagaimanapun, mengikut rekod, 54.4% daripada penagih-penagih yang dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah terdiri daripada buruh-buruh kasar. Mereka ini mempunyai kelulusan akademik yang agak rendah untuk mendapat kerja yang baik.

Bilangan bekas-bekas penagih yang mendapat pekerjaan di dalam swasta boleh dikatakan menggalakkan. Bagaimanapun, kebanyakan kerja-kerja yang ditawarkan adalah secara sambilan sahaja. Namun demikian pihak Kerajaan dan swasta telah memberi kerjasama menghantar kakitangan mereka yang menagih dengan memberi cuti separuh gaji sepanjang tempoh mereka berada di Pusat. Selepas mereka dibebaskan dari Pusat, mereka akan ditawarkan semula kerja.

- (c) Pada umumnya, masyarakat bersedia menerima bekas-bekas penagih dadah yang telah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah. Walau bagaimanapun, terdapat segolongan yang tertentu yang masih mempunyai prasangka untuk menerima mereka kembali atas sebab-sebab pengalaman yang telah mereka lalui akibat tindak-tanduk penagih-penagih itu sendiri. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memberi kefahaman kepada masyarakat yang berkenaan ialah sebagai mana berikut:

- (1) Memberi penerangan-penerangan kepada masyarakat umum tentang aspirasi dan harapan bekas-bekas penagih supaya masyarakat memberi peluang kepada mereka membuktikan hasrat mereka untuk menghindarkan diri daripada terbabit

semula dengan gejala dadah. Dalam hubungan ini masyarakat diminta supaya tampil ke hadapan untuk membantu, memimpin dan seterusnya memberi galakan kepada bekas-bekas penagih mencapai hasrat mereka menempah satu penghidupan baru.

- (2) 78 Jawatankuasa-jawatankuasa Pemulihan Dadah telahpun ditubuhkan sejak tahun 1985 di kawasan-kawasan yang sensitif untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas penagih, sama ada dari segi peluang pekerjaan ataupun lain-lain perkara yang melibatkan kebijakan mereka.

- (3) Orang ramai digalakkan membuat lawatan ke Pusat-pusat Pemulihan untuk melihat secara lebih dekat aktiviti-aktiviti Pusat dengan tujuan mereka akan lebih memahami profail penagih-penagih serta masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu juga pelatih-pelatih di Pusat digalakkan membuat kerja-kerja amal di luar Pusat seperti ber-gotong-royong untuk menjalinkan hubungan mesra dengan masyarakat setempat.
- (4) Beberapa kumpulan penceramah-penceramah yang terdiri daripada bekas-bekas penagih dadah telah ditubuhkan untuk berkongsi pengalaman dan memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai rintangan, masalah dan matlamat hidup bekas-bekas penagih dadah.

**Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi orang ramai pun diberi galakan untuk melawat ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah. Adakah kita jamin yang orang ramai datang atau melawat ini tidak ada yang membawa perkara-perkara yang tidak baik seperti dadah untuk dibekalkan kepada penagih?

Satu lagi, dadah yang dirampas itu ke manakah dibawa, adakah dimusnahkan ataupun dijadikan sebagai kegunaan untuk perubatan ataupun disimpan dan dalam simpanan itu adakah keyakinan yang keselamatan dadah itu terjamin?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, semua pelawat-pelawat terutama pelawat-pelawat yang akan memberi ceramah dan sebagainya di Pusat-pusat Pemulihan Dadah belum pernah lagi ditangkap kerana membawa dadah ke Pusat-pusat yang berkenaan tetapi ni mungkin pelawat-pelawat yang memakan waris kepada penagih-penagih yang selalu kasihan melihat anak buah mereka di dalam Pusat-pusat tersebut, namun begitu pihak penjaga Pusat-pusat akan mengawasi keadaan ini tidak berlaku.

Tentang masalah dadah-dadah yang telah dirampas, semuanya adalah dimusnahkan.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang pertamanya, dari jumlah penagih-penagih dadah yang telah menerima rawatan dan dipulihkan dan dibenarkan keluar daripada Pusat-pusat Pemulihan **ini**, berapakah jumlahnya yang datang semula untuk pemulihhan sekali lagi, setelah dia keluar dia masuk balik dalam tempoh 3 tahun yang sudah ini.

Yang keduanya, apakah yang merupakan sebab-sebab utamanya mereka ini menagih balik walaupun telah dipulihkan?

Dan yang ketiganya, sejauh manakah bekas-bekas penagih dadah ini berkesan dari segi memainkan peranan untuk mengesan pengedar-pengedar dadah dari segi membantu pihak-pihak Kementerian umpamanya dan badan-badan yang berkenaan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada di Kementerian, hampir 75% daripada penagih-penagih dadah yang telah menjalani rawatan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah kembali menghisap dadah dan setengah daripada mereka terpaksa

masuk kembali ke Pusat-pusat Pemulihan. Ini adalah disebabkan beberapa faktor kerana 60% daripada penagih-penagih dadah adalah disebabkan oleh keluarga sendiri. Mungkin kerana keruntuhan rumah-tangga, mungkin oleh kerana ibu bapa terlalu sibuk dengan kerja-kerja amal dan kerja-kerja politik sehingga lupa tentang hal ehwal anak-anak yang ada di rumah; 30% adalah datang daripada di mana apabila mereka kembali ke masyarakat, 30% daripada mereka ini tidak tahu di manakah tinggal ibu bapa mereka kerana datang daripada keluarga yang telah hancur betul-betul, di mana ibu entah ke mana, bapa entah ke mana. Untuk menemui saudara-mara, saudara-mara tidak mahu menerima, akhirnya mereka kembali untuk menemui kawan-kawan lama dan mereka menagih semula. Dan 20% daripada penghisap-penghisap dadah ini tidak ada langsung latar belakang agama sehingga tidak kenal 'alif, ba, ta', apatah lagi untuk membaca Al-Fatihah. Dengan keadaan dan sebab itulah maka kita dapat bahawa 75% daripada penagih-penagih yang telah dipulihkan terpaksa kembali menagih dan masuk kembali ke Pusat-pusat Pemulihan.

Tentang soalan yang terakhir tadi, memang kita gunakan bekas-bekas penagih yang telahpun pulih ini untuk mengesan kawan-kawan mereka dan ada setengah-setengahnya benar-benar telah memberi ceramah di seluruh Pusat-pusat Pemulihan dan ceramah-ceramah mereka sungguh berkesan kerana mereka mengetahui sebenar-benarnya bagaimakah apabila gejala dadah ini telah masuk ke dalam diri mereka sendiri.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, nyatakan sama ada Kerajaan bercadang menswastakan Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan membenarkan organisasi-organisasi tertentu mentadbirkan Pusat-pusat Pemulihan ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang menggalakkan mana-mana agensi ataupun orang-orang perseorangan yang ingin membantu Kerajaan dalam membanteras gejala dadah ini, tetapi biarlah perkhidmatan itu benar-benar jujur dan ikhlas, bukan ada udang di sebalik batu di mana untuk mencari keuntungan daripada penghisap-penghisap dadah.

**Puan Ainon bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setelah Kerajaan dan Kementerian mengetahui bahawa tugas-tugas pemulihan hanya berjaya sebanyak 30% sahaja iaitu tidak majoriti, 70% kita telah gagal dan ini merupakan satu pembaziran dari segi kewangan, tidakkah Kementerian bercadang untuk menempatkan semua penagih-penagih yang mendapat peluang untuk dipulihkan ini ke satu tempat perkampungan baru seperti pernah kita buat kepada penempatan semula komunis ataupun mereka yang pro kepada komunis semasa zaman darurat dahulu supaya mereka ini dapat duduk di situ 5-6 tahun dan kemudian dapat benar-benar berdikari, baru ianya dilepaskan kepada masyarakat?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, 30% berjaya ini merupakan satu kejayaan yang besar kalau dibandingkan di negara-negara lain. Ini menunjukkan bahawa Pusat Pemulihan kita adalah satu daripada Pusat Pemulihan yang baik.

Cadangan daripada Yang Berhormat tadi untuk mengadakan satu penempatan khas semua penagih-penagih dadah ini memang baik tetapi walau bagaimana cantik dan elok pun Pusat Pemulihan Dadah yang kita dirikan, yang kita laksanakan dan kita kumpulkan mereka 5-6 tahun, kita takut bahawa dunia yang mereka tinggal selama 5-6 tahun itu

jauh berbeza dengan dunia yang akan mereka kembali ke dalam masyarakat kerana masyarakat masih tidak mengubah sikap atau prasangka terhadap penagih-penagih dadah. Jikalau sekiranya masyarakat dapat mengubah sikap menganggap bahawa penagih-penagih dadah ini juga manusia biasa yang ingin menukar hidup sepermula manusia biasa, insya Allah, segala apa yang kita jalankan akan mendapat kejayaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mazidah, satu lagi soalan.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini hanya soalan tambahan kepada soalan tambahan saya tadi dari segi penerangan. Saya amat tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang sebab-sebab mengapa yang sudah pulih masuk kembali ke Pusat-pusat Pemulihan ini dan salah satu sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi ialah kedudukan ibu bapa ataupun peranan yang dimainkan oleh ibu bapa terhadap anak-anaknya, oleh kerana selalu sangat ibu bapa membuat kerja-kerja amal dan politik, maka anak-anaknya terbiar dan menjadi penagih-penagih dadah, oleh kerana itu mereka balik semula walaupun telah dipulih.

Jadi, implikasi yang saya dapat daripada jawapan ini ialah seolah-olah kerja-kerja amal dan berpolitik yang dimainkan oleh ibu bapa itu merupakan sebab musabab termasuklah gamaknya kita yang ada di Dewan ini juga yang menyebabkan anak-anak balik semula kepada Pusat-pusat Pemulihan ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ini ada buktinya atau tidak, dan kalau ada, berapa banyak kerana saya rasa agak kurang adil kalau yang berlaku itu mungkin 5% tetapi itu menjadi sebab utama yang dikemukakan, agak kurang tepat pada pendapat saya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak siapa yang melarang untuk kita membuat kerja-kerja amal, berpolitik, bernesaga dan sebagainya. Tetapi kalau kita hendak memperbetulkan rumah tangga orang perbetulkan lah rumah tangga kita dahulu. Segala-galanya saya ingat "begins at home", dengan izin. Jadi, perbetulkan anak kita benar-benar tidak tercebur dalam perkara-perkara yang tidak baik tetapi sibuk untuk memperbetulkan hal-hal orang lain. Kadang-kala bapak sibuk keluar pagi dengan kereta besar, dengan driver dan sebagainya, keluar pagi balik tengah malam. Yang si isteri pun keluar dengan driver dari pagi sampai tengah malam. Anak-anak ditamu dengan wang ringgit tetapi perasaan jiwa dan kasih sayang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Oleh kerana tiada tempat hendak mengadu, tiada tempat hendak menumpahkan kasih sayang, akhirnya mereka akan berkawan dengan kawan-kawan yang tidak bertanggungjawab dan akhirnya mereka menghisap dadah. Jadi, inilah satu daripada masalah, bukan kita, tidak boleh menjalankan kerja-kerja amal, berpolitik dan sebagainya tetapi betulkan lah keadaan rumah tangga kita dahulu sebelum kita beramal dan sebagainya.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tetapi kadang-kala ada anak-anak yang terdidik agama dan ibubapanya orang yang terpelajar, didikan agama kuat, anak Imam, Kadhi dan sebagainya ada juga yang terjebak ke lembah dadah ini. Rasa saya kurang adil juga, di sini Timbalan Menteri terlupa agaknya barangkali menyebutkan, saya pernah juga terbaca dalam teori domino, dalam jangka panjang iaitu pada tahun 2,000, target mereka ialah untuk menawan negara kita Malaysia menjadikan negara komunis. Salah satunya ialah untuk menyerap atau menawan negeri kita dengan

mempengaruhi anak-anak muda kita, iaitu menjalankan jarumnya dengan dadah.

Dahulu kita berperang melawan komunis di hutan, tetapi sekarang dengan cara halus membunuh anak-anak muda kita secara dadah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa soalannya, Yang Berhormat?

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tetapi ini salah satunya, rasa saya, tetapi Timbalan Menteri ini saya ingat sudah terlupa. Jangan hendak menyalahkan kepada rumahtangga, rumahtangga seolah-olah menempelak kami wanita. Ini kurang adil, saya tidak boleh terima. Anak saya ada 6, pelajaran tinggi-tinggi, saya tidak terima.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehlah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab,

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Saya tidak mahu terima. Dia sudah terlupa ini. Saya rasa ancaman komunis itu dia sudah terlupa. Salah satunya ancaman komunis, theory domino, wabak dadah dan sebagainya. Dengan mengatakan masalah rumahtangga, kurang didikan, kurang agama - itupun tidak betul. Timbalan Menteri ini terlupa, jangan salahkan kami. Minta jawab itu. **[Ketawa]**

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan mengapa kaum wanita sahaja merasakan perkara ini. Saya pun merasakan dan ini tanggungjawab saya. Saya mempunyai anak-anak dan saya pun kalau anak-anak saya berlaku ke atas perkara yang seperti ini, saya menyalahkan diri saya. Masalah tentang komunis ini, walau apa teori pun, walau apa bentuk ancaman pun, kalau sekiranya semua rakyat, semua ibubapa bertanggungjawab dan melihat akan keadaan ini tidak meresap ke dalam anak-anak muda kita, insya Allah segala ancaman itu akan dapat kita tentang dengan hebat.

**MAHKAMAH SESYEN - PENAMBAHAN BILANGAN**

3. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan;

- (a) adakah Kerajaan menimbang untuk menambah bilangan Mahkamah Sesyen di negara ini dan juga memberi kuasa tambahan kepada Mahkamah Sesyen untuk membolehkan menyelesai kes-kes yang bertimbun;
- (b) adakah Kerajaan menimbang untuk menambah bilangan Hakim di Perak untuk menyelesaikan kerja-kerja yang bertimbun itu;
- (c) adakah Kerajaan menimbang untuk melantik Pengamal Undang-undang Kanan berkhidmat sebagai Presiden Mahkamah Sesyen jika kuasa Mahkamah bertambah; dan
- (d) adakah Kerajaan menimbang untuk menubuhkan Mahkamah-mahkamah Daerah di mana kuasanya adalah tinggi daripada kuasa Mahkamah Sesyen tetapi kurang dari kuasa Mahkamah Tinggi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Ber-

hormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan Mahkamah Sesyen di negara ini. Sementara itu sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun membuat keputusan supaya hak tuntutan kes sivil sebanyak \$25,000 yang boleh didengar oleh Mahkamah Sesyen dinaikkan ke tahap \$100,000 ke bawah dan had maksimum kes sivil untuk Mahkamah Majistret pula dinaikkan ke tahap \$25,000 ke bawah.

Pindaan-pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman (1964) dan Akta Mahkamah Rendah (1948) sedang dibentangkan

di mesyuarat Parlimen dan apabila pindaan-pindaan ini diluluskan kelak adalah diharapkan kes-kes yang menunggu di mahkamah-mahkamah akan dapat diselesaikan.

- (b) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan Hakim di negeri Perak kerana apabila tuntutan kes sivil di antara \$25,000 ke \$100,000 ke bawah yang pada masa sekarang ini di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi diturunkan ke Mahkamah Sesyen, maka beban kerja di Mahkamah Tinggi dijangka akan berkurangan.
- (c) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melantik Pegamal Undang-undang Kanan berkhidmat sebagai Yang Di Pertua Mahkamah Sesyen walaupun bidangkuaaa Mahkamah Sesyen akan ditambah.
- (d) Kerajaan tidak bercadang untuk menubuahkan Mahkamah Daerah di negara ini sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, State Secretariate Seremban, Negeri Sembilan tidak lama lagi akan pindah ke bangunan yang baru. Adakah Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan supaya memohon kepada Kerajaan Negeri Sembilan supaya bangunan yang tersebut dapat digunakan sebagai bangunan Mahkamah Tinggi?

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi.

#### **GAJAH LIAR MEROSAKKAN TANAMAN ORANG ASLI**

4. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, adakah beliau sedar sejak akhir-akhir ini banyak rungutan dari kalangan masyarakat Orang Asli kerana tanaman-tanaman ladang mereka dimusnahkan oleh gajah liar terutama sekali di kawasan Pahang Tenggara, jika sedar:

- (a) apakah tindakan telah, sedang akan diambil supaya gajah-gajah liar ini dapat dielakkan dari datang lagi merosakkan segala tanaman ladang orang kampung; dan

- (b) jika orang kampung bertindak mencederakan dan sebagainya pada gajah-gajah liar yang masuk merosakkan tanaman ladang orang kampung adakah ini akan menjadi kesalahan pada mereka.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa adanya banyak rungutan daripada masyarakat orang Asli dan tiada sebarang laporan yang diterima daripada mereka semenjak perlantikan saya sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Walaupun demikian, terdapatnya laporan-laporan berkenaan pemusnahan tanaman oleh gajah liar yang berlaku di kampung-kampung selain dari perkampungan Orang Asli.

Jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Tindakan yang telah diambil untuk menghadapi masalah gajah liar di ladang atau estet ialah dengan menasihatkan peladang atau tuanpunya estet untuk menggali parit serta memasang pagar elektrik.

Untuk kampung-kampung pula, apabila diterima laporan pemusnahan oleh gajah liar, Renjer di Jabatan Perhilitan telah dihantar ke kawasan berkenaan untuk mengusir gajah-gajah liar dari kawasan kampung ke kawasan hutan.

Salah satu daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini ialah untuk memindahkan gajah-gajah liar ini yang habitatnya telah diganggu oleh pembangunan tanah. Sehingga hari ini sebanyak 90 ekor gajah liar telah ditangkap dan dipindahkan ke kawasan-kawasan yang selamat.

Operasi translokasi untuk gajah liar telah dijalankan di Jengka, Pahang dan pada masa kini, Jabatan Perhilitan menjalankan operasi ini di Slim River, Seberang Perak dan Bruas di Negeri Perak.

(b) Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Perhilitan untuk memberi bantuan kawalan terhadap ancaman dari gajah-gajah **liar**. Oleh yang demikian, orang perseorangan dan tuanpunya ladang digalakkan menggunakan kemudahan bantuan ini dalam menghadapi ancaman gajah **liar**. Mengambil tindakan sendiri dan mencederakan gajah-gajah **liar** yang datang mengancam tanaman akan pula menjadi lebih bahaya oleh kerana gajah-gajah **liar** yang tercedera akan mengancam nyawa manusia serta merosakkan harta-benda yang lain. Di samping itu, jenie hidupan **liar** ini adalah diperlindungi di bawah Akta Hidupan Liar.

**KWSP - WANG YANG BELUM DITUNTUT**

5. **Tuan Chan Choong** Tak minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang tertinggal dalam KWSP yang masih belum dikeluarkan oleh pencarum yang umurnya telah melebihi 55 tahun;
- (b) bilangan pencarum-pencarum yang umurnya melebihi 55 tahun yang carumannya masih belum dikeluarkan dari KESP; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Lembaga KWSP untuk berhubung dengan pencarum-pencarum atau "nominee-nominee" atau wakil-wakil "estate-estate" pencarum-pencarum yang telah meninggal dunia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mempunyai tiga pecahan. Jawapannya ialah seperti berikut:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 2hb Disember, 1986 jumlah wang yang masih belum dituntut oleh pencarum-pencarum yang umurnya telah melebihi 55 tahun ialah \$756,623,877.
- (b) Bilangan pencarum-pencarum yang umurnya telah melebihi 55 tahun tetapi masih belum menge-luarkan caruman-caruman mereka ialah seramai 1,122,238 orang.

(c) Apabila KWSP diberitahu bahawa seseorang ahli telah meninggal dunia, tindakan akan diambil oleh KWSP untuk menentukan penama yang telah dibuat oleh ahli berkenaan.

Jika ada penama, tetapi permohonan untuk pengeluaran caruman belum dibuat, maka KWSP akan berusaha menghubungi penama berkenaan dengan mendapatkan alamat penama itu terutamanya melalui Pejabat Pendaftaran Negara kita ini.

Sekiranya tiada penama, maka orang yang dinamakan di dalam Suratkuasa Tadbir [Letter of Administration] atau Suratkuasa Tadbir Wasiat [Grant of Probate] akan dihubungi oleh KWSP untuk membuat permohonan bagi pengeluaran. Sekiranya tiada Suratkuasa dikemukakan, maka waris ahli yang terdekat akan dihubungi oleh KWSP untuk membuat permohonan bagi pengeluaran carumannya.

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Dalam masalah caruman pekerja-pekerja, misalnya kalau seorang pekerja telah bekerja sehingga umurnya 55 tahun dan selepas itu telah berhenti daripada tempat ianya bekerja - itu yang pertama dan dia bekerja di tempat yang lain dan pada waktu itu umurnya telah melebihi 55 tahun, adakah di waktu bekerja di tempat yang kedua itu ianya dimestikan juga memberikan caruman atau tidak perlu lagi memberikan caruman atau terpulanglah kepadanya iaitu kalau mereka suka, boleh atau tidak?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah luar daripada soalan asal. Tetapi sebagai sedikit maklumat bagi Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan ini, sungguhpun ini tidak

beberapa berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat, jikalau seseorang pencarum atau pekerja yang masih ingin bekerja selepas umur 55 tahun, simpanan pencarum itu masih boleh disimpan di dalam KWSP dan faedahnya akan terus diberikan kepadanya. Tetapi mengenai soalan sama ada dia diperlukan membayar caruman kepada KWSP, jika dia bekerja di tempat lain, itu tidak mungkin.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan Kementerian Yang Berhormat untuk mengemaskinikan rekod waris pencarum dari masa ke semasa supaya KWSP dapat berhubung dengan waris apabila berlaku kematian pencarum atau mencapai umur pengeluarannya?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu adalah satu cadangan yang baik dan Kementerian Kewangan akan mengambil kira.

#### ANGKATAN TENTERA - MEMBESARKAN BAHAGIAN KEJURUTERAAN

**6. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan adalah pihak Kementerian bercadang membesarkan Bahagian Kejuruteraan (Engineering Division) dengan pengambilan lebih banyak lagi pemuda-pemuda yang menganggur supaya unit ini dapat digunakan dalam bidang pembinaan jalanraya dan sebagainya untuk mengurangkan kos yang tinggi pada masa ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya tidak ada rancangan untuk membesarkan Angkatan Tentera Malaysia termasuklah Bahagian Kejuruteraan dalam keadaan ekonomi sekarang dan peruntukan kewangan bagi Kementerian Pertahanan tidak mengizinkan untuk membesarkan mana-mana bahagian Angkatan Tentera.

Namun demikian, langkah-langkah sedia diambil untuk memperkuuhkan dan meninggikan lagi profesional ketenteraan dalam aspek teknikal untuk mendapatkan kegunaan optima dari tenaga kerja yang sedia ada.

Penggunaan anggota Angkatan Tentera Kor Jurutera dalam aspek pembangunan dan pembinaan adalah difikirkan tidak memberi manfaat dari segi pengurangan pengangguran dan kos. Jika Kor Jurutera digunakan untuk tugas ini, masalah pengangguran dan Kekurangan kos tidak akan dapat juga diatasi.

#### MAKTAB PERGURUAN DI SEBERANG PERAI

7. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah cadangan Kerajaan- untuk mendirikan- sebuah Maktab Perguruan atau Pusat Pengajian Tinggi di Seberang Perai memandangkan pertumbuhan penduduk dan perancangan Kerajaan negeri Pulau Pinang sedang berusaha membangunkan kawasan di sebelah Seberang Perai. Jika ya, bila.

**Menteri Pelajaran [Tuan Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran mempunyai dua buah Maktab Perguruan di Pulau Pinang iaitu Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang dan Maktab Perguruan Seri Pinang di Pulau Pinang selain daripada Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang dan Universiti Utara Malaysia yang berhampiran dengan Pulau Pinang. Sebab itulah selama ini belum ada rancangan khusus untuk membina sebuah Maktab Perguruan yang baru di Seberang Perai. Tetapi memandangkan dasar Kementerian supaya pembangunan itu agak adil diagihkan di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar, Kementerian telah membatalkan rancangan pembinaan Maktab Perguruan yang baru di bahagian Pulau Pinang dan akan mengkaji kemungkinan memindahkan rancangan itu ke Seberang Perai.

**BANTUAN KEPADA ORANG TUA**

8. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah dasar yang dijalankan oleh Kementerian-nya bagi memberikan bantuan kepada orang tua dan orang-orang yang sungguh daif penghidupannya terutama mereka yang tinggal di luar bandar atau kawasan pendalaman, sehubungan dengan itu:

- (a) berapakah jumlah rumah-rumah kebajikan yang telah didirikan bagi menampung pengemis-pengemis dan orang tua yang daif;
- (b) apakah latihan sampingan yang dapat diberikan kepada penghuni kebajikan bagi membantu mereka berdikari setelah dibebaskan nanti; dan
- (c) di rumah-rumah kebajikan adakah diaturkan program khas bagi didikan rohani dan kemudahan beribadat.

**Menteri Kebajikan Masyarakat [Dato' Shahrir bin Abdul Samad]:**

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi menggalakkan keluarga dan saudara-mara untuk bertanggungjawab ke atas keperluan dan kebajikan ibu bapa ataupun ahli keluarga mereka yang **tua**. Walau bagaimanapun terdapat juga sebilangan orang-orang tua yang tidak mempunyai sanak-saudara atau keluarga ataupun mempunyai saudara-mara yang miskin dan tidak berupaya untuk menyara kehidupan atau memberi bantuan kepada mereka ini.

Sehubungan dengan ini Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan suatu skim khas yang dikenali sebagai "Skim Bantuan Orang Tua" untuk menampung keperluan hidup golongan orang tua yang berkenaan.

Bagi jawapan soalan:-

- (a) Kini Kementerian Kebajikan Masyarakat mentadbirkan sebanyak lapan buah Rumah Seri Kenangan [Rumah Orang Tua] dan sebuah Desa Binadiri [Pusat Pemulihan Pengemis].
- (b) Di Desa Binadiri, pelbagai bidang latihan kemahiran diadakan seperti tukang jahit, tukang gunting, pertanian, perternakan dan perusahaan ringan membuat barang-barang dari buluh dan rotan. Tujuan latihan ini adalah untuk memberi kemahiran kepada setiap orang penghuni supaya mereka dapat dibantu untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau perusahaan bagi membolehkan mereka berdikari setelah mereka dibebaskan kelak. Di Rumah Seri Kenangan pula di mana penghuninya berusia 60 tahun ke atas, mereka yang masih berupaya digalakkan juga untuk menceburkan diri di dalam aktiviti perusahaan ringan.
- (c) Di semua rumah kebajikan, Kementerian Kebajikan Masyarakat ada mengaturkan program khas bagi didikan rohani dan kemudahan beribadat kepada penghuni-penghuninya. Semua penghuni digalak mengamalkan ibadat menurut agama masing-masing dan kemudahan juga diadakan untuk membolehkan mereka melaksanakannya. Sebuah surau diadakan untuk penghuni yang beragama Islam dan di samping itu juga diadakan Guru-guru Agama bagi mereka yang berkenaan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nyatakan sama ada Yang Berhormat Menteri sedar rumah-rumah kebajikan yang ditadbirkan dan dikelolakan oleh pihak-pihak swasta tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas dengan sempurna. Apakah rancangan Kerajaan untuk mengawasi rumah-rumah kebajikan ini supaya mutu kehidupan penghuni ditingkatkan lagi.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar ada juga pihak swasta yang mengelolakan rumah-rumah orang tua dan ada juga keadaan di mana terdapatnya kejadian di mana rumah-rumah orang tua ini menghadapi berbagai masalah dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan asas. Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang mengkaji kemungkinan bagi mengeluarkan satu cara undang-undang yang boleh mengawal ataupun menentukan garis panduan minima bagi menentukan supaya rumah-rumah orang tua yang dilaksanakan oleh pihak swasta ataupun pihak yang bukan Kerajaan akan dapat dilaksanakan mengikut garis panduan yang minima dan mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang secukup-cukupnya.

Seperti juga mana kita sedia maklum bahawa kadang-kadangkala bayawa tafsiran - tentang rumah orang tua ini berbagai-bagai cara dapat dielakkan kerana cara rumah orang-orang tua yang dijalankan oleh swasta sebenarnya seperti mereka menyediakan bilik-bilik untuk disewa oleh mereka yang tidak mempunyai keluarga dan sebagainya. Dan ini menimbulkan masalah dari segi tafsiran dan dari segi takrifan, dari segi sudut undang-undang dan untuk tujuan ini Kementerian Kebajikan Masyarakat mengambil tindakan yang sehalus-halusnya untuk menimbaangkan segala kemungkinan dalam penyediaan undang-undang yang berkenaan.

**Tuan Haji Ibrahim bin bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan iaitu satu masa dahulu ada diberi bantuan kepada orang tua miskin di kampung-kampung. Kemudian saya mahu tahu sama ada bantuan ini masih lagi berjalan atau tidak. Kalau pun ada, apakah dasar-dasarnya sehingga membolehkan orang tua yang miskin ini mendapat bantuan tersebut,

Dan yang keduanya, dari penerangan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebutkan bahawa orang tua yang ditempatkan di Sri Kenangan itu ialah mereka yang tidak ada mempunyai waris, tetapi adakah pihak Menteri sedar adanya terdapat orang-orang tua yang ada mempunyai waris dan mempunyai kehidupan yang agak baik tetapi tidak ada kesanggupan pihak waris untuk menjaga dan dihantarkan ke Sri Kenangan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, inilah yang merupakan masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang sedang membangun di mana kepentingan sebahagian daripada masyarakat kita tertumpu kepada soal-soal material dan tidak pula menganggap tinggi

nilai-nilai murni yang ada di dalam masyarakat kita pada sediakala. Oleh itu, apa yang telah disebutkan dalam bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu memang benar adanya perlu di mana orang-orang tua yang masih mempunyai keluarga, yang masih mempunyai waris dan membayai juga keluarga yang mampu untuk menjaga mereka tetapi oleh kerana keadaan di mana mungkin keluarga itu tidak menunjukkan satu sikap kasih sayang ataupun toleransi kepada orang tua yang berkenaan, maklumlah orang tua pun kadang-kadang ada menghadapi masalah, cepat merajuk dan sedikit sahaja pun dia tinggalkan rumah, dan berbagai-bagai perkara yang timbul.

Dalam keadaan ini kita mengadakan perkhidmatan kaunseling yang diberikan kepada keluarga yang berkenaan agar mereka dapat menerima dan dapat menjaga ataupun dapat melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai keluarga kepada ahli keluarga mereka yang lebih tua sedikit. Saya sendiri sedar bahawa perkara ini ada berlaku. Dalam keadaan ini sepatimana saya sebutkan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat mengadakan perkhidmatan kaunseling bagi menggalakkan saudara mara dan ahli keluarga mengambil berat tentang nasib pihak yang **berkenaan**.

Tentang soal dari segi syarat-syarat yang perlu terhadap pelaksanaan skim bantuan orang tua ini, yang paling penting ialah bahawa mereka merupakan orang tua yang tidak mempunyai sebarang keluarga, sebarang waris ataupun saudara mara yang oleh menjaga mereka, dan perlulah mereka mencapai lebih umur 60 tahun, mereka juga tidak **mempunyai** satu kemampuan untuk mencari rezeki atau mencari pendapatan bagi menampung keperluan hidup mereka. Dan sebab itulah skim ini hanyalah dilaksanakan bagi tujuan-tujuan atau golongan-golongan yang benar-benar memerlukan pertolongan. Pada pandangan Kementerian

Kebajikan Masyarakat, tanggungjawab kepada melihat dan melindungi orang-orang tua terletak kepada keluarga mereka sendiri, dan juga dari segi tanggungjawab masyarakat yang sekeliling. Dan memang kita menggalakkan kalaular terdapat beberapa orang tua di kampung, memang kita menggalakkan juga pembinaan rumah-rumah orang tua yang boleh ditadbirkan oleh masyarakat kampung itu sendiri.

Umpamanya saya telah melawat di negeri Kelantan di mana terdapat satu rumah orang tua yang telah dibina di atas tanah wakaf yang ditadbirkan oleh seorang guru agama dan digunakan sebagai tempat perlindungan kepada rakyat atau orang-orang yang tua ini dan segala urusan mengenai rumah orang tua itu ditanggung dan dijalankan oleh pihak masyarakat sendiri.

Jadi, ini menunjukkan bahawa kalau kita sentiasa dapat menggalakkan nilai-nilai yang sudah ada dalam masyarakat kita, orang-orang tua tidak menjadi masalah kepada negara, bahkan akan masih dan terus menjadi anggota yang dihormat oleh masyarakat kita. Janganlah pula kita terlalu meniru sangat kejayaan dan kemajuan di dunia Barat di mana engkau hal engkau, sudah tua engkau tidak berguna, patutlah ditinggalkan langsung sama sekali oleh anggota keluarganya.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Berapa ramaikah kesemua orang-orang tua yang berada di rumah tumpangan dan kaum manakah yang lebih majoritinya di antara ramai penduduk itu.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang tua yang ada di rumah-rumah Sri Kenangan yang seramai 8 buah yang saya sebutkan itu, dia meningkat dan berubah mengikut keadaan. Kadangkala seperti keadaan di mana orang tua yang masih mempunyai keluarga atau mempunyai saudara mara, mereka kadang-kadang datang dan kadang-kadang keluar dan sebagainya. Tetapi pada perhitungan secara kasar, setiap rumah orang tua mempunyai lebih di antara 150

hingga 200 orang tua dan bermaknalah bahawa bagi 8 buah rumah terdapatnya di sebelah Semenanjung Malaysia sahaja iaitu di antara 1,500 dan 2,000 orang tua dan kesemuanya berada di rumah-rumah ini di bawah jagaan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Dari segi peratusan bangsa pula yang saya lihat bahawa pembahagian mengikut kaumnya saya tidak dapat memberi jawapan yang lebih tepat tetapi sebahagian ramai daripada mereka terdiri daripada rakyat Malaysia keturunan India dan ini menunjukkan masalah kemiskinan yang ditimpa oleh kumpulan ini dan yang tidak mempunyai saudara mara untuk menjaga mereka apabila mereka telah berusia begitu lanjut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Sebelum soalan dijawab, saya perlu pembetulan, bahagian (b) sama ada pihak MARA bercadang untuk melibatkan proses pindahmilik anak-anak syarikat MARA "melalui" bukan "melabur".

#### MARA - PEMINDAHAN MILIK SYARIKAT

9. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan dan jumlah modal berbayar syarikat-syarikat milik MARA yang telah dipindahkan kepada Bumiputera;
- (b) sama ada pihak MARA bercadang untuk melibatkan proses pindahmilik anak-anak Syarikat MARA melalui saluran pertubuhan-pertubuhan tertentu yang berkemampuan di negara ini; dan
- (c) adakah MARA telah membekukan polisi memindahkan syarikat-syarikat miliknya kepada Bumiputera.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Alias bin Md. Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) sebanyak 2 buah syarikat milik MARA telahpun dipindahkan kepada bumiputera iaitu Syarikat Masmara Sdn. Bhd. dengan modal berbayar sebanyak \$4.2 juta dan Prestige Automobil Sdn. Bhd. dengan modal berbayar sebanyak \$1 juta;
- (b) pihak MARA memang mempunyai hasrat untuk memindahkan syarikat-syarikat miliknya kepada bumiputera yang berminat baik secara perseorangan atau secara perkumpulan atau pertubuhan-pertubuhan yang tertentu yang mempunyai kemampuan untuk menjalankan syarikat-syarikat tersebut dengan jayanya;
- (c) jawapannya ialah tidak.

**SAIS PERKHIDMATAN KERAJAAN**

10. **Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan berapa besarkah jumlah perkhidmatan Kerajaan dari segi peratusan kepada keseluruhan jumlah tenaga kerja di Malaysia. Bagaimanakah kedudukan Malaysia dalam perkara ini jika dibandingkan dengan negara-negara anggota ASEAN dan di dalam negara-negara Industri Yang Baru (New Industrial Countries: NIC) seperti Korea Selatan, Taiwan dan HongKong.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saiz perkhidmatan Kerajaan yang berjumlah 888,253 sekarang ini adalah merupakan 15.38% dari jumlah keseluruhan tenaga buruh di Malaysia. Jumlah ini adalah meliputi keseluruhan pekerja-pekerja sektor awam di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pengguna Tempatan serta termasuk Polis dan Tentera.

Tidak semua negara yang menggunakan definasi perkhidmatan Kerajaan yang serupa dengan negara kita kecuali Indonesia, Brunei, Hong Kong dan Taiwan di mana secara perbandingan, kedudukan peratusan perkhidmatan Kerajaan dari jumlah tenaga buruh mereka adalah seperti berikut:

<b><u>Negara</u></b>	<b><u>Peratusan</u></b>
Indonesia	9.40
Brunei	9.98
Hong Kong	4.80
Taiwan	12.05,

Atas sebab-sebab tertentu, kebanyakan negara tidak meliputi perkhidmatan-perkhidmatan Polis, Tentera dan Pengguna Tempatan dalam istilah 'Perkhidmatan Kerajaan' mereka.

**PEKERJAAN DI SEKTOR LADANG**

11. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Buruh menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh Kementeriannya bagi menanam semangat kebangsaan mengutamakan rakyat negara ini dalam pengambilan pekerja di sektor-sektor swasta, ada majikan-majikan yang lebih suka mengambil pekerja-pekerja dari negara-negara jiran kerana bayaran gaji mereka murah. Sikap ini diumpamakan "kera di hutan disusui, anak di kendong mati kelaparan".

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan rakyat negara ini sendiri bagi memenuhi semua peluang-peluang pekerjaan yang ada di negara kita ini. Walau bagaimanapun pada masa ini masih terdapat rakyat kita yang kurang berminat untuk bekerja di sektor perladangan dan binaan terutamanya di tempat-tempat yang terpencil atau kawasan pendalaman. Dalam keadaan seperti ini penggajian pekerja-pekerja asing di sektor tersebut tidak dapat dielakkan demi untuk menampung kekurangan tenaga buruh supaya pengeluaran sektor perladangan dan pembangunan sektor binaan tidak terjejas.

Kerajaan sedang giat berusaha mengambil langkah-langkah berikut bagi menarik minat pekerja-pekerja tempatan untuk bekerja di sektor tersebut:

- (i) mendedah penganggur-penganggur yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat ke suasana kerja dan kebaikan bekerja di sektor ladang melalui Program Bridged Kerja;

- (ii) berusaha mengingkatkan kemudahan asas di ladang-ladang seperti meningkatkan kualiti perumahan, mengadakan kemudahan bekalan elektrik dan air dengan lebih sempurna serta mewujudkan pusat-pusat kesihatan dan pendidikan yang lebih baik;
- (iii) mengadakan serbuan mengejut ke tempat-tempat kerja khasnya di tapak binaan dengan kerjasama pihak Polis dan Jabatan Imigresen untuk mencegah penggajian pekerja-pekerja pendatang haram; dan
- (iv) bagi mengambilalih tempat-tempat buruh asing di sektor pembinaan, Kerajaan telah dan sedang melatih pekerja-pekerja tempatan dalam berbagai-bagai bidang ketukangan binaan seperti mengikat batu-bata, tukang-tukang kayu dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, pertanyaan yang ke 12.

#### KWSP - MENGELOUARKAN CARUMAN

12. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.C. 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menjalankan penyiasatan lanjut mengenai perbuatan pekerja-pekerja asing di Sabah yang mengeluarkan KWSP mereka dengan alasan meninggalkan Sabah dan kembali ke tanahair mereka tetapi sebenarnya mereka terus tinggal di Sabah dan bekerja dari satu syarikat ke satu syarikat yang lain.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi suatu kesalahan bagi pekerja-pekerja asing yang telah mengeluarkan caruman KWSP mereka dengan alasan meninggalkan negara kita ini dan kembali ke tanahair mereka, tetapi masih terus menetap di Malaysia.

Sekiranya pihak KWSP mengetahui tentang perkara sedemikian, penyiasatan lanjut akan dijalankan dan jika ada bukti-bukti kesalahan yang nyata, maka mereka yang telah melakukan kesalahan itu akan dilakukannya dakwa di bawah Seksyen 16A(1)(a) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai keterangan lanjut menganai perkara ini, silalah kemukakannya kepada KWSP atau Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

#### PENGANGGUR LEPASAN UNIVERSITI

13. **Tuan Haji Shuiab bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan semenjak Kerajaan mengumumkan supaya penganggur-penganggur lepasan universiti mendaftarkan diri untuk diberi kerja sementara, setakat ini berapa ramaikah penganggur-penganggur tersebut telah berdaftar mengikut pecahan kaum, dan berapa ramai di antara mereka yang telah diberi pekerjaan.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 November, 1986, bilangan siswazah-siswazah yang mendaftarkan diri di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyertai program kerja sementara yang diumumkan oleh Kerajaan pada 24hb April, 1986 yang lalu ialah seramai 15,699 orang. Pecahan siswazah yang mendaftar itu mengikut keturunan adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Keturunan</b>	<b>Bilangan (orang)</b>	<b>Peratusan</b>
1.	Bumiputera (Melayu)	13,517	86.1
2.	Cina	1,618	10.3
3.	India	493	3.14
4.	Lain-lain	71	0.5

Daripada jumlah permohonan itu seramai 4,000 orang telah di-berikan pekerjaan sementara.

#### **GRADUAN DARI PUSAT PENGAJIAN TINGGI**

14. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa jumlah graduan yang telah keluar dari pusat pengajian tinggi dalam luar negeri hingga Disember, 1985. Berapa jumlah yang dibiayai oleh Kerajaan dan Badan-badan Berkanun Kerajaan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran hanya menyimpan rekod ke-luaran pelajar di Institusi Pengajian Tinggi tempatan mulai tahun 1971. Sehingga Disember, 1985 seramai lebih kurang 80,000 orang pelajar dari berbagai kursus dan peringkat pengajian telahpun lulus daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan.

Di samping itu, sehingga Disember, 1985, jumlah graduan yang dibiayai oleh Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang telah tamat pengajian dari institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri ialah lebih kurang 54,490 orang.

#### **PENGALIRAN KELUAR MODAL**

15. **Tuan Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Nor** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada langkah-langkah yang telah diambil sehingga sekarang dapat membendung pengaliran keluar modal dari negera ini ke negara-negara lain.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan sehingga sekarang telahpun berjaya membendung pengaliran keluar modal lain.

Trend pengeluaran keluar bersih modal untuk pelaburan menunjukkan jumlah yang semakin berkurangan seperti berikut:

<b><u>Tahun</u></b>	<b><u>Aliran Keluar Bersih Modal</u></b>
1983	\$ 1,923 juta
1984	\$ 1,667 "
1985	\$ 1,446 "

#### **INDUSTRI YANG DITUTUP**

16. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) industri-industri yang ditutup operasinya di negara ini akibat kemelesetan ekonomi semenjak tahun 1984;
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dengan mendirikan industri-industri di negara ini; dan
- (c) sama ada Kementerian akan berubah sikap dan polisi dalam perkara menarik pelaburan asing di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan bincian ke atas syarikat-syarikat perkilangan yang beroperasi bagi tempoh berakhir 31 Disember, 1985, adalah didapati sejumlah 66 buah syarikat telah menutup operasi atau memberhentikan pengeluaran mereka buat sementara. Jumlah ini meliputi berbagai industri seperti makanan, tekstil, barang-barang kayu, plastik, barang-barang logam dan bukan logam dan sebagainya. Penutupan syarikat-syarikat ini bukanlah semata-mata akibat daripada kemelesetan ekonomi negara ini. Berasaskan maklumat-maklumat yang ada, ada juga syarikat-syarikat yang menutup operasi mereka disebabkan masalah kewangan dan pengurusan yang tidak dapat diatasi selain daripada faktor-faktor pasaran.

Di dalam beberapa bulan kebelakangan ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah penting untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara **ini**. Satu daripada langkah ialah dengan melonggar kan peraturan-peraturan perlesenan, Mulai daripada 24hb Oktober yang lalu, hanya syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai modal pemegang saham tidak kurang daripada \$2.5 juta dan menggaji tidak kurang daripada 75 orang pekerja sepenuh masa dikehendaki memperolehi lesen di bawah Akta Penyelarasian Perindustrian 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga baru-baru ini telah mengumumkan garispaduan baru mengenai penyertaan ekuiti asing dan pengambilan pegawai expatriate sebagai satu langkah lagi bagi menggalakan pelaburan asing. Mulai daripada 1hb Oktober, 1986 yang lalu, syarikat-syarikat yang mengeksport 50% atau lebih daripada pengeluarannya dibenarkan untuk dimiliki 100% oleh asing. Syarikat-syarikat yang mewujudkan sebanyak 350 pekerja-pekerja sepenuh masa rakyat Malaysia dibenarkan juga untuk mempunyai ekuiti asing sebanyak mana yang dipohnnya. Mana-mana syarikat yang mempunyai modal dibayar asing US\$2 juta akan diberi secara automatik 5 jawatan expatriate di samping dipertimbangkan juga untuk jawatan-jawatan yang lain yang dipohon di bawah dasar-dasar yang ada. Pelaburan-pelaburan asing yang dibuat di antara 1hb Oktober, 1986 hingga Disember, 1990 tidak akan dikehendaki untuk menyusun semula ekuiti masing-masing.

Di dalam usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan pelaburan pwasta khasnya pelaburan asing di dalam sektor perkilangan, beberapa galakan baru akan diperkenalkan melalui pindaan kepada Akta Penggalakan

Pelaburan 1986. Di bawah cadangan pindaan ini, tempoh Taraf Perititis akan diperlanjutkan selama 5 tahun lagi bagi keluaran-keluaran ataupun aktiviti-aktiviti galakan yang terpilih. Di samping itu, syarikat-syarikat yang mengeksport akan diberi pengurangan ke atas pendapatan larasan berdasarkan prestasi eksport masing-masing dengan pengurangan tidak melebihi 50% daripada pendapatan larasan mereka. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan lebih banyak lagi eksport negara. Elauan eksport sebanyak 5% dari-pada pendapatan kasar dari eksport yang pada ketika ini hanya diberi kepada eksport hasil pertanian akan diperluaskan kepada syarikat-syarikat perdagangan yang mengeksport keluaran-keluaran perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lagi pelaburan di sektor perkilangan. Kerajaan juga sedang mengkaji semula undang-undang dan peraturan-peraturan serta prosedur mengenai perdagangan dan perindustrian termasuk semua borang-borang yang digunakan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mempastikan bahawa undang-undang dan prosedur-prosedur yang diamalkan tidak akan menyusahkan para pelabur dan orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan No.17 dijawab, saya ingin menambah atau mambetulkan satu ayat iaitu "minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah", ditambah dengan 'berapa'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** "Berapa", silakan Yang Berhormat.

**PESARA MALAYSIA DI LUAR NEGERI - BAYARAN PENCEN**

17. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah pesara-pesara yang menerima bayaran persaraan daripada Kerajaan Malaysia yang menetap di luar negeri sama ada rakyat Malaysia atau bukan rakyat Malaysia. Berapa banyakkah wang negara yang terlibat tiap-tiap tahun bagi tujuan membayar pencen. Sesuai dengan langkah Kerajaan berjimat cermat adakah Kerajaan bercadang menghapuskan persaraan kepada mereka. Jika ia, bilakah akan dilaksanakan. Jika tidak, kenapa.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pesara yang dibayar pencen oleh Kerajaan Malaysia yang menetap di luar negeri pada tahun 1985 ialah seiramai 4,728 orang. Jumlah wang yang terlibat di dalam pembayaran ialah \$5,223,366.96 dan pesara-pesara tersebut menetap di 27 buah negara.

Berhubung dengan sama ada Kerajaan bercadang menghapuskan bayaran persaraan kepada raereka ataupun sebaliknya, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak boleh menghapuskan bayaran pencen kepada pesara-pesara di luar negeri dengan sewenang-wenangnya kerana pencen adalah merupakan hak-hak yang diberi kepada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam atau kepada balunya, anaknya, orang tanggungannya atau wakil dirinya dan perlindungan hak-hak pencen ini adalah diperuntukkan di bawah Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 22 adalah diberi di Lampiran "A"]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN  
WANITA DAN GADIS (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.38 ptg.**

**Menteri Kebajikan Masyarakat [Dato Shahrir bin Abdul Samad]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dibacakan pada kali yang kedua.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini tujuan utama Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 adalah di antara lain untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada kaum wanita di bawah umur 21 tahun yang mudah dianianya dan didedahkan kepada bahaya moral itu telah digunakan bagi maksud pelacuran. Akta tersebut telah berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia pada 1hb September, 1973; di negeri Sabah pada 1hb Julai, 1981 dan di negeri Sarawak pada Ihb Mac 1983. Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab atas pelaksanaan Akta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan-pindaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 adalah bertujuan untuk mengatasi beberapa masalah dan kelemahan dalam Akta induknya iaitu Akta Perlindungan Gadis Wanita dan Gadis 1973 yang mana masalah dan kelemahan ini telah dikenalpasti oleh Kementerian saya.

Di antara masalah dan kelemahan tersebut ialah, pertama, Akta tersebut di antara lain memperuntukkan bahawa seseorang wanita di bawah umur 21 tahun yang tidak berkahwin dan didapati telah didedahkan kepada bahaya moral atau telah menjadi pelacur boleh ditahan di bawah Perintah Mahkamah untuk diberikan perlindungan dan pemulihan.

Sehubungan dengan peruntukan ini masalah yang telah ditimbulkan ialah terhadap golongan isteri walaupun pada hakikatnya seorang suami bertanggungjawab terhadap isterinya, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengenalpasti beberapa kes di mana isteri-isteri telah juga digalak, didesak ataupun dipaksa oleh suaminya untuk menjadi pelacur.

Di antara tahun 1981 hingga 1985, seramai 155 dari 1,751 kes didapati melibatkan isteri seumpama ini. Walaupun isteri-isteri tersebut telah didapati memerlukan perlindungan tetapi mereka terpaksa dilepaskan oleh kerana Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 tidak merangkumi kumpulan ini,

Perkara yang kedua atau masalah yang kedua, adalah berkaitan dengan peruntukan Akta Perlindungan dan Gadis 1973 yang menyebutkan bahawa seorang wanita yang diperintah ditahan dalam sesuatu tempat perlindungan terpaksa dibebaskan apabila ia meningkat umur 21 tahun ataupun telah berkahwin. Peruntukan ini didapati tidak memuaskan oleh kerana ia telah menjelaskan usaha pemulihan Kementerian Kebajikan Masyarakat khususnya terhadap mereka yang tidak dapat ditahan sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga tahun.

Masalah yang ketiga menyentuh peruntukan mengenai seliaan lanjutan. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 memperuntukkan supaya seorang wanita yang tamat sesuatu program pemulihan dan apabila dikeluarkan daripada tempat perlindungan harus diberi seliaan lanjutan bagi tempoh setahun. Tujuannya ialah untuk membantu seorang wanita itu menyesuaikan dirinya sebelum ianya diserapkan ke dalam masyarakat. Walau bagaimanapun mengikut Akta tersebut seliaan ini terpaksa dihentikan apabila seorang wanita itu meningkat umur 21 tahun ataupun telah berkahwin. Peruntukan ini juga telah didapati kurang memuaskan oleh kerana dalam kes-kes seperti itu tempoh seliaan lanjutan terpaksa dipendekkan dan oleh hal yang demikian perkhidmatan seliaan tidak akan berkesan terhadap mereka yang terlibat.

Masalah yang keempat ialah berkenaan dengan peruntukan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 mengenai seorang wanita yang keluar tanpa kebenaran dari sesuatu tempat perlindungan di mana ia telah ditahan mengikut perintah mahkamah. Mengikut peruntukan yang sedia ada, seorang wanita tersebut yang keluar tanpa kebenaran dan dapat ditahan balik boleh ditahan semula cuma sehingga tarikh asal yang telah ditetapkan oleh perintah mahkamah. Peruntukan ini juga telah didapati kurang memuaskan oleh kerana dalam kes yang seperti ini usaha pemulihan telah terjejas khususnya dalam kes-kes di mana masa seorang wanita yang keluar tanpa kebenaran itu adalah terlalu panjang dan oleh itu baki tempoh tahunan tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan pemulihan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 yang telah dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah bertujuan mengatasi masalah-masalah yang telah saya sebutkan tadi. Oleh hal yang demikian pindaan yang telah dicadangkan itu adalah bertujuan seperti berikut:-

- (i) Memperluaskan bidang liputan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 supaya merangkumi wanita di bawah umur 21 tahun sama ada mereka telah berkahwin ataupun sebaliknya. Dengan adanya peruntukan ini seseorang **isteri** di bawah umur 21 tahun yang digalak, didesak mahupun dipaksa oleh suaminya boleh juga diberi perlindungan dan pemulihan serupa seperti mereka yang belum berkahwin.
- (ii) Tempoh seorang wanita yang ditahan dalam sesuatu tempat perlindungan atau di bawah seliaan mengikut perintah mahkamah tidak akan disingkatkan atas sebab perkahwinan atau pencapaian umur 21 tahun. Dengan pindaan ini tempoh pemulihan yang diperlukan akan dapat ditetapkan tanpa gangguan supaya usaha pemulihan menjadi lebih berkesan,
- (iii) Mengenai tempoh seliaan lanjutan juga tidak akan disingkatkan atas sebab perkahwinan ataupun pencapaian umur 21 tahun supaya seliaan tersebut bagi seorang wanita yang keluar daripada tempat perlindungan akan dapat diberi selama setahun tanpa gangguan.

(iv) Dalam kes-kes di mana seorang wanita telah keluar tanpa kebenaran daripada tempat perlindungan tempoh penahanannya apabila ditahan balik akan dilanjutkan dengan suatu tempoh selama ianya telah keluar, supaya sesuatu tempoh pemulihan yang telah ditetapkan oleh perintah mahkamah tidak akan terbantut atau terjejas.

Lain-lain pindaan dalam Rang Undang-undang tersebut adalah merupakan pindaan berbangkit dan tidak menyentuh soal dasar. Butir-butir yang lebih lanjut mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 boleh didapati dalam huraiannya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya dengan pindaan-pindaan tersebut: Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bukan sahaja dari segi pencegahan kegiatan maksiat bahkan juga memberi bantuan yang berkesan kepada kaum wanita yang benar-benar memerlukan perlindungan dan pemulihan.

Saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 dibacakan pada kali yang kedua sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap.

**3.43 ptg.**

**Datuk Nasir bin Haji Manap;** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini adalah untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini bernama suatu Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986.

Saya merasai tujuan Akta ini dibentangkan di antaranya adalah untuk mengemaskinikan perkataan-perkataan yang sesuai digunakan dan menentukan perempuan yang telah mencapai umur 21 tahun pada masa dia dipindahkan ke suatu tempat perlindungan tidak akan ditahan di dalamnya dan juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada mahkamah bagi membuat suatu perintah bagi seseorang perempuan untuk ditahan di suatu tempat perlindungan walaupun dia telah mencapai umur 21 tahun ataupun dia telah berkahwin.

Selain daripada itu adalah bertujuan melanjutkan tempoh penahanan seorang perempuan yang telah diperintahkan oleh mahkamah untuk ditahan dalam suatu tempat perlindungan meninggalkan tempat tersebut sebelum tempoh penahanan berakhir, Di antara tujuan mengemaskinikan perkataan yang sesuai digunakan ternyata kepada kita seperti yang tercatat dalam Fasal 2 Akta ini dengan meminda daripada perkataan Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

Saya memang sedar perkataan Pengarah adalah lebih sesuai digunakan daripada perkataan Pegawai, bagi jawatan yang tertinggi dalam sesebuah negeri. Pindaan ini memang agak memberi kesan yang tepat.

Selain daripada itu sebagaimana yang dijelaskan adalah bertujuan untuk menentukan tiada seorang perempuan pun yang telah mencapai umurnya 21 tahun atau lebih boleh ditahan di tempat perlindungan. Ini ternyata sepertimana tercatat dalam sub-seksyen (6) baru dan bertujuan memberi kuasa kepada mahkamah untuk melanjutkan tempoh penahanan dalam sesuatu tempat perlindungan. Ini ternyata kepada kita sebagaimana yang tercatat dalam pindaan Seksyen 33.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa memanglah Kerajaan telah mengambil perhatian yang begitu berat, khususnya kepada wanita-wanita yang berumur di bawah umur 21 tahun ditempatkan di dalam satu-satu kawasan yang tertentu dan diberikan pelajaran yang khusus seperti diantar mereka belajar ke sekolah-sekolah yang ditentukan dan difikirkan mereka boleh bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan atau di tempat-tempat yang sesuai yang membolehkan mereka hidup tidak bergantung kepada orang lain.

Saya juga sedar, di antara gadis-gadis ataupun wanita-wanita yang ditempatkan di tempat-tempat perlindungan, ada di antaranya mereka yang putus hubungan dengan ibu-bapa mereka sendiri dan setengahnya terbiar begitu sahaja dan telah melakukan berbagai bentuk kesalahan. Dengan itu, membolehkan mereka tinggal di tempat-tempat perlindungan di bawah kawalan ataupun jagaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga gadis-gadis ataupun wanita-wanita yang mulanya ditempatkan di tempat-tempat perlindungan dan dijangka akan meninggalkan tempat itu, dengan itu saya mencadangkan kepada pihak berkenaan, sebelum gadis-gadis atau wanita-wanita itu meninggalkan tempat-tempat perlindungan, agak perlu pihak Kerajaan menentukan mereka ini kelak akan menjawat satu-satu jawatan yang tertentu untuk pencarian hidup mereka di masa akan datang.

Dengan itu, pihak Kerajaan diminta mengenalpasti dan memberikan pelajaran-pelajaran yang tertentu kepada mereka itu yang mana matlamatnya mereka akan dijamin bekerja. Misalnya, sebagai seorang Kerani ataupun seorang Tukang Masak ataupun Pendandan Rambut atau boleh dikatakan juga Jurusolek, Buruh Am dan sebagainya.

Oleh itu adalah disyorkan, semasa wanita-wanita atau gadis-gadis itu di dalam tempat perlindungan lagi, perlulah mereka diklasifikasikan pengarahan untuk mereka bekerja dalam bidang-bidang pekerjaan yang tertentu. Dengan itu pihak Penyelia atau Pegawai Penguasa di tempat-tempat perlindungan itu boleh menentukan suatu tarikh yang tertentu, misalnya pada tiap-tiap akhir tahun ramai wanita-wanita atau gadis-gadis mendapat peluang yang sesuai untuk bekerja dalam satu-satu bidang jawatan yang tertentu,

Senarai-senarai nama mereka itu bolehlah dihantarkan terus ke Pejabat-pejabat Buruh misalnya atau di mana-mana tempat pekerjaan yang sesuai. Usaha yang begini adalah bertujuan menolong mencari pekerjaan yang sesuai kepada mereka yang ditempatkan di tempat-tempat perlindungan itu. Dalam hal ini, saya berasa curiga, kalau tidak diambil perhatian yang sungguh-sungguh untuk menentukan mereka mendapat pekerjaan yang khusus, kerana apabila umur mereka telah mencapai 21 tahun, mereka terpaksa dan dimestikan meninggalkan tempat perlindungan **itu**, padahal di waktu itu mereka belum ada jaminan untuk menjawat sesuatu jawatan yang tertentu. Lebih-lebih lagi kepada mereka yang telah putus hubungan dengan ibu-bapa mereka ataupun keluarganya.

Selain daripada itu juga dicadangkan pihak Kerajaan perlu mengadakan satu pemberitahu secara terbuka untuk sesiapa yang hendak mendapatkan anak angkat misalnya. Saya merasa usaha pemberitahuan secara terbuka ini adalah difikirkan boleh menyelesaikan dua masalah yang penting.

Pertama, gadis-gadis atau wanita-wanita yang telah keluar dari tempat perlindungan itu hidup mereka agak terjamin, kerana mereka

telah tinggal di dalam satu keluarga yang tertentu dan jika mereka menyedari diri mereka, mereka boleh menjadi seorang yang berguna di dalam masyarakat.

Kedua, kepada suami-isteri yang tidak mempunyai anak telah mendapat seorang anak angkat yang boleh membantut mereka dalam apa-apa bidang yang sesuai dari perlu. Dan kepada keluarga yang sedia mempunyai anak, agak bersimpati kepada mereka yang telah putus hubungan keluarga mereka, usaha yang begini bukan sahaja mereka dijadikan sebagai anak angkat, bahkan pengarahan kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan juga akan berumahtangga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa tidak semua wanita-wanita ataupun gadis-gadis yang ditempatkan di tempat perlindungan itu telah rosak akhlaknya. Sebenarnya, mereka itu adalah hilang hubungan keluarga dan tidak mendapat jagaan yang sewajarnya, mungkin kehidupan keluarga mereka tidak tenteram dan ianya tersiksa ataupun disiksa. Memang hakikat ini ternyata. Jadi jika diambil perhatian yang sewajarnya dengan bersungguh-sungguh, di masa yang akan datang mereka akan insaf dan dapat membentuk satu keluarga yang dihormati dan disegani.

Dengan itu, saya mencadangkan kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada wanita-wanita atau gadis-gadis yang telah sampai umur 21 tahun yang patut meninggalkan tempat perlindungan yang tetap tetapi tidak dapat dikesan oleh ibubapa atau keluarga mereka dan mereka belum lagi mendapat apa-apa pekerjaan yang tertentu, mereka yang berkenaan dikehendaki atau diwajibkan tinggal di satu-satu tempat khusus, sehingga mereka mendapat sebarang jawatan atau pekerjaan yang tertentu. Di dalam masa mereka tinggal di satu-satu tempat yang ditentukan itu, mereka boleh diajar yang bermatlamat untuk pekerjaan mereka di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang dapat saya sampaikan dalam membincangkan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini serta memberikan tiga syor ataupun tiga pandangan kepada pihak yang berkenaan. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang yang Bernama atau Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Azizah.

### **3.58 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak bercakap panjang, dua minit sahaja.

Saya juga bangun turut menyokong satu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 ini. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri berkenaan yang membawa Akta ini yang mana patut dipuji di atas daya usaha yang gigih memperkemas-kan peruntukan undang-undang yang dianggap longgar atau tidak tepat dan mempunyai ruang-ruang yang menunjukkan kelemahan dalam undang-undang ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan tindakan secara senyapsenyap telah dan sedang dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa Kementerian berkenaan mengenai perlindungan kepada ramai wanita dan gadis yang teraniaya oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau sindiket-sindiket kongsi gelap di bandar-bandar besar,

Tuan Yang di-Pertua, di masa kini kalau kita membaca majalah-majalah atau suratkhabar tempatan dan apatah lagi dari berita-berita luar negeri, masing-masing menceritakan kisah wanita atau gadis-

gadis yang malang. Mungkin atas sebab-sebab yang tertentu seperti membala dendam kepada suami yang telah berpisah, terperangkap dalam keadaan serba salah dengan persetujuan sendiri dengan apa yang dikatakan "kekasih", paksaan dan penipuan dari pemuda-pemuda yang berjanji memberikan pekerjaan, berjanji hendak menjadikan isteri dan berbagai-bagai lagi, hingga mereka menjadi mangsa hawa nafsu lelaki syaitan, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, samalah seperti ikrar Kerajaan kita memerangi wabak dadah.

Satu lagi perbuatan yang terkutuk yang turun-temurun iaitu pelacuran mestilah dibanteras secara positif oleh Kerajaan. Kita berharap kepada pihak Polis serta Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam hendaklah melancarkan operasi berterusan bersama-sama bandar besar atau bandar kecil kerana di sinilah terdapat sarang-sarang pelacuran tidak kurang juga penagih dadah terjebak dalam perangkap yang terkutuk ini dan ini semua adalah penyakit masyarakat yang mesti ditentang berterusan oleh Kerajaan.

Akhir-akhir ini tersiar berita dari negara jiran di mana kanak-kanak lelaki dan perempuan pula dijadikan mangsa buas oleh orang-orang yang berlagak sebagai pelancong. Pelancong pun mesti awas, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang melancong, melancong, beg besar tetapi kosong, kita ditipunya. Saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan akan dapat menyediakan program dan strategi yang positif dalam aspek memberi sokongan moral kepada wanita, jangan hendak bela sahaja, beri makan tetapi kena beri sokongan kepada wanita dan gadis yang terselamat dari sarang-sarang pelacuran dan sebagainya. Mencegah lebih baik daripada membela. Keutamaan perlu diberi kepada mereka untuk mendapat pekerjaan di kilang-kilang industri-industri kecil di kampung dan sebagainya supaya mereka dapat membina masa depan mereka sebagai rakyat Malaysia yang berguna di satu masa nanti dan diterima oleh masyarakat semula.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya begini. Kalau kita bela sahaja dia di rumah-rumah dan di tempat-tempat pemulihan, selepas itu dibiarkan, kemudian dia keluar semula; kalau masyarakat tidak terima mereka ini, mereka akan balik semula ke sarang-sarang pelacuran, seperti juga wabak dadah. Jadi, kalau masyarakat

terima dia: Hah, ini bekas penagih dadah, tak hendaklah. Kalau yang perempuan pun kalau kelmarin ada boy friend, tak hendaklah, boy friend aku ini bekas penagih dadah. Begitu juga perempuan, aku tak hendak lagi girl friend aku **ini**, dia dahulu sudah kena **ini**, kena **ini**. Begitu juga kepada perempuan-perempuan **ini**. Jadi, kita hendaklah mendidik dia supaya boleh berdiri di atas kakinya sendiri dengan menempatkan dia dan boleh mencari makan untuk menyara hidup, seperti kita beri kepada dia kerja-kerja tangan, membuat perusahaan kecil melalui industri-industri kecil, kita tempatkan 10 - 15 orang, boleh berkongsi berniaga, mencari cara hidup dan berdiri di atas kakinya sendiri supaya tidak menjadi beban kepada Kerajaan untuk menanggung selama hidup. Tak boleh juga, Tuan Yang di-Pertua, ini beban juga, negara pun tak ada duit, Kementerian pun dapat Menteri yang muda, kalau Menteri tua, tak ada idea pula.

Peruntukan undang-undang yang lebih tegas mestilah diwujudkan oleh Kerajaan untuk menghukum penjenayah-penjenayah yang menggunakan wanita atau gadis sebagai barang untuk mencari keuntungan. Kadangkala sindiket-sindiket ini yang cuba menyeludupkan emas, menyeludupkah orang daripada negeri jiran, dijadikan pelacur, digunakan wanita cantik. Saya ini tak cantik, kalau wanita cantik dia sudah beli, mari ikut sama dan dijadikan alat untuk menyeludup dan sebagainya. Mereka ini mestilah disebat dan dipenjara seumur hidup.

Apa yang saya suka sebutkan dalam undang-undang sebat, kena sebat adalah satu hukuman yang serik. Di sekolah dahulu pun begitu. Ini Menteri Pelajaran tak ada. Saya di sekolah dahulukalau kena rotan sekali, besok pagi takut hendak buat lagi. Kalau datang lambat, esok pagi pukul 7.00 sudah sampai di sekolah.

Kalau sebat, Tuan Yang di-Pertua, kalau sesiapa yang terlibat kita sebat. Kalau orang perempuan kita beri serotan cukuplah, dia serik dan tak buat lagi. Sesiapa sindiket-sindiket yang kita dapati cuba menggunakan wanita ini sebagai pelacur atau sebagai alat **dia**, kita denda dia dengan rotan. Kalau lelaki yang membuatnya, kita denda dua rotan. Jadi, rasa saya sebat ini kita tak boleh tebus dengan wang sebab serik ataupun dera. Dengan rotan ini adalah satu hukuman yang serik. Kalau duit, berapa banyak pun dia ada duit, seperti duit secara menyeludup dan sebagainya, dia boleh tebus berapa banyak juga. Jadi, kita mesti hukumkan dengan rotan ini wajib. Mereka ini mestilah disebat atau dipenjara seumur hidup, kalau boleh kerana hukuman yang ada sekarang amatlah ringan dan tidak berkesan. Perbuatan mereka terhadap wanita atau gadis yang lemah itu boleh dianggap sebagai perbuatan yang amat kejam terhadap insan yang lemah dan mestilah dihukum setimpal dengan kekejaman mereka.

Untuk maklumat rakyat jelata, saya berharap pihak Kementerian Penerangan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat menyiarkan satu program melalui kaca TV dari masa ke semasa mengenai tindakan Kerajaan bagi membanteras kegiatan haram ini terhadap wanita ini supaya rakyat yang taat setia dan berperi kemanusiaan akan tampil ke hadapan dengan lebih banyak maklumat lagi mengenai sindiket pelacuran dan sebagainya.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang ada maklumat mengenai atau mendapat maklumat, mereka yang menggunakan wanita sebagai alat ataupun sindiket pelacuran ini hendaklah tampil ke hadapan memberi maklumat kerana apa yang saya difahamkan banyak orang-orang yang berkemampuan ataupun yang tak ada pekerjaan cuba menyamar **diri** sebagai taukeh, membawa beg besar, beg James Bond,

pakai kot lawa-lawa, dengan kereta Rolls Royce, dengan kereta BMW, kononnya jadi taukeh, pinang anak dara dua, tiga orang untuk dilacurkan. Kemudian kalau ada orang yang tahu diupah. Jadi, kita mahu orang-orang yang seperti inilah. Kalau ada orang-orang yang tahu bahawa orang-orang ini cuba menggunakan wanita kampung, cuba mengahwini wanita ini, kemudian cuba memberi pekerjaan dengan janji-janji mencarikan pekerjaan tetapi kemudian melacurkannya. Jadi, kalau orang-orang yang tahu sindiket-sindiket yang masuk ke kampung-kampung ini, kalau orang itu menutup rahsia ini maka orang inilah yang kita hukum dan minta orang-orang yang tahu ini keluar ke hadapan memberi maklumat kepada Kerajaan dan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya rasa Jabatan Kebajikan Masyarakat patutlah mengeluarkan hadiah, seperti Polis, sesiapa yang keluar memberi maklumat, misalnya saya memberi maklumat - saya tak hendak, Tuan Yang di-Pertua, itu contoh, tawarkan \$1,000, \$2,000 supaya perkara-perkara ini dapat kita bersihkan daripada masyarakat. Jadi, penerapan nilai-nilai Islam itu dapatlah kita samakan untuk mengurangkan perkara-perkara jenayah itu.

Rasa saya sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerana ada kawan-kawan saya yang hendak bercakap lagi, saya bercakap banyak pun jemu dan dengan ini saya menyokong Akta ini sekali lagi dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Ainon. Dipersi-lakan.

#### **4.07 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan rasa penuh terharu, dengan rasa penuh syukur dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang

berkenaan, kepada Menteri yang muda tetapi jauh pandangannya, kepada pegawai-pegawai yang bekerja keras dan kesemuanya telah membuat kajian-kajian yang baik mengenai pindaan kepada Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan hadis 1973.

Tuan Yang di-Pertua, 13 tahun lamanya Undang-undang yang lama dipergunakan dan tidak dinafikan sebanyak sedikit undang-undang lama juga telah banyak membawakan kejayaan dalam memberikan perlindungan kepada wanita-wanita sama ada di bawah umur ataupun yang sudah lebih berumur dari 20 tahun yang banyak berlaku di dalam masyarakat kita.

Saya sekali lagi dengan ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas tugas Kementerian ini dalam bidang ini juga bidang-bidang lain yang memang kita dengar dan tahu Kementerian ini banyak menjalankan tugas-tugas kebajikan yang kadangkala tidak disedari oleh masyarakat umum dan kadangkala tidak pernah mendapat apa-apa pujian, melainkan hanya dapat beberapa komen-komen dan rasa tidak puas hati atas segala masalah, sedangkan mereka ini menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh, dengan peruntukan yang terhad, dengan kakitangan yang terhad, dengan kemudahan-kemudahan yang terhad; tetapi mereka masih dapat menjalankan kerja-kerja kepada perkara-perkara kebajikan termasuklah hal ehwal bencana alam dan lain-lainnya dan termasuk juga mengenai perlindungan kepada wanita yang menjadi mangsa kepada pembangunan, kepada kasanova, kepada keganasan seks dan juga kepada al-fulus atau kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan oleh Menteri yang membentangkan pindaan kepada Rang Undang-undang ini, nyatalah undang-undang yang dipinda ini sesungguhnya akan membawa kepada satu kebahagiaan kemaskini yang memang wajar dan patut diberikan pujian kerana ianya akan dapat memberikan faedah yang lebih berkesan kepada mangsa-mangsa yang sedang dipulihkan, iaitu wanita-wanita yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat faham dalam negara kita yang membangun dan walaupun di dalam statusnya bahawa wanita mempunyai spiritual, dengan izin, semangat dan keupayaan intelektual yang sama dengan lelaki, tetapi malangnya bagi wanita dan juga boleh dikatakan untungnya bagi wanita, ada belaka untung dan ruginya, kerana ia dijeniskan oleh Allah sebagai wanita, seksnya wanita. Jadi kerana ia seorang wanita atau ia dijadikan dengan jantina wanita, mempunyai mastika-mastika yang membawa tarikan kepada gejala-gejala seks khasnya dan kepada perkara-perkara lain yang boleh menjadi bahan-bahan kewangan keuntungan, maka ramailah wanita-wanita menjadi mangsa oleh pengaruh, oleh sindikit, oleh keganasan tipu-helah dan lain-lain dari pihak yang jantinanya berlainan dengan wanita.

Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes-kes yang ada di dalam Pusat-pusat Perlindungan ini hampir 60% atau 70% darinya adalah yang berbentuk mangsa atau victim. Apabila kita menyatakan mangsa, ianya merupakan penganiayaan, penindasan, pemerasan dan juga kekejaman. Betapa tidak, seorang gadis yang belum kenal dunia, yang belum tahu apa erti cinta dan hidup, dipengaruhi oleh kasanova yang segak dan lawa dengan tujuan untuk diperisterikan atau menjadi 'nova' atau menjadi kekasih yang dicintai seperti kata Cik Azizah

tadi, tetapi tujuan sebenarnya adalah untuk dilacurkan. Betapa pula nasib seorang wanita yang berlindung di bawah bapa **tiri**, kerana bapa sendiri entah ke mana, bercerai mungkin, ibu pula galak sedikit, kahwin lagi, tidak pedulikan anak, maka jadi mangsa kepada bapa **tiri**. Kemudian menghadapi dunianya dengan gelap, kerana ia melahirkan anak daripada bapa tirinya sendiri.

Walaupun ini satu kezaliman kepadanya, satu penyiksaan kepadanya, tetapi masyarakat tidak pernah adil, masyarakat tetap memandang wanita yang berkenaan hina, tetap memandang kotor dan jijik dan kadangkala bapa **tiri** yang berkenaan tidak pernah diperkatakan ataupun dipertikaikan yang menjadi mangsa juga, yang menjadi bahan kecaman dan akhirnya sakit jiwa, maka Pusat Pemulihan ini jugalah yang menampungnya, itupun kalau yang bernasib baik kesnya dapat dedahkan atau dikemukakan. Ada juga yang tidak dapat peluang begini, mereka masih terlonta-lonta membawa derita dan malu menghadapi hidupnya yang gelap dan dengan mudahnyaalah mereka akan terpengaruh dengan dunia pelacuran,

Pernah kami membuat kajian di kalangan pelacur-pelacur. Pelacur **ini**, Tuan Yang di-Pertua, maaf kata, ada tiga kelas: satu kelas bawahan, tangga kambing, maaf jenis saya juga; yang keduanya pertengahan dan yang ketiga, atasan, Kebanyakan mereka ini juga berpunca daripada pengaruh-pengaruh. Setengahnya mereka tidak sedar mereka telah dipengaruhi, kemudian lalu dianiyakan dengan diikat atau maksud saya bukan ikat tangan tetapi diikat, dikongkong kebebasannya. Umpamanya siang mereka tidak boleh keluar, hanya malam sahaja boleh keluar. Mereka diberikan dadah supaya mereka mahu mengikut apa sahaja kata bosa masing-masing dan lalu dilacurkan. Mana yang dapat peringkat atas, barangkali dari segi pendapatannya lumayanlah, dari segi derita tetap derita. Mereka menangis dalam

senyuman, Tuan Yang di-Pertua. Mereka membawa deritanya berlari, kelihatan begitu cantik dengan pakaian yang indah-indah, dengan mekap yang menarik tetapi mereka seorang insan yang sebenarnya rasa menderitanya, Tuhan sahaja yang tahu. Hanya apabila mereka dapat tempat mengadu atau lari, barulah dapat mereka mencerahkan perasaannya dan banyak daripada mereka ini telah mendapat tempat dan telah mendapat perlindungan di pusat-pusat yang dikendalikan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat kita. Terima kasih atas apa yang telah dilaksanakan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kebanyakannya daripada mangsa-mangsa yang saya sebutkan tadi ini masih lagi banyak yang belum dapat perlindungan, masih lagi banyak yang berleluasa berlaku di dalam masyarakat kita. Apakah barangkali memadai dengan hanya memberikan pindaan kepada undang-undang yang lebih baik supaya Pusat itu lebih baik, berkesan atau lebih baik lagi kita mengkaji juga punca kejadian, mencegah kepada akar umbi kejadian.

Saya setuju dengan cadangan dan pandangan daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Azizah di mana saya juga telahpun mencatat-kannya perkara yang berkenaan untuk diucapkan tetapi beliau telah menyentuhnya terlebih dahulu, iaitu punca-punca kejadian ini perlu-lah diberikan perhatian. Walaupun ini tidak kena-mengena dengan Kementerian yang berkenaan tetapi bagi pihak Kerajaan, bagi pihak orang ramai dan masyarakat, badan-badan sukarela, badan-badan kebajikan dan badan-badan dakwah perlu mengambil perhatian bersama. Pendidikan-pendidikan awal di sekolah mengenai moral, agama, apa agama tidak kira, perlulah dipertingkatkan supaya anak-anak ini yang bakal menjadi ibu bapa tidak akan membuat kezaliman kepada anak-anaknya, tidak akan meninggalkan tanggungjawabnya untuk mendidik anak-anaknya supaya anak-anaknya nanti tidak mudah terpengaruh

ataupun akan lari dari rumah ataupun barangkali ianya tidak dapat menghadapi dunia nyata kerana ketiadaan pendidikan daya tahan diri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya syorkan, dan Kementerian yang berkenaan kita tahu ada seksyen-seksyen, bahagian-bahagian khusus mengenai kebajikan wanita. Ada pegawai-pegawai wanitanya yang bertugas di bahagian yang berkenaan tetapi oleh kerana kes itu rasa saya kian hari kian banyak, bukan kian kurang, adalah baiknya bahagian-bahagian berkenaan ditambah lagi terutamanya di kawasan-kawasan bandar-bandar besar dan juga di kawasan-kawasan yang dikenalpasti banyak berlakunya perkara-perkara penganiayaan atau kes-kes yang menyebabkan wanita-wanita ini terpaksa dibawa ke mahkamah atau terpaksa dipulihkan. Nyatalah kalau mereka ini tidak dapat pembelaan, kalau mereka ini tidak dapat di-dedahkan kepada pemulihan-pemulihan, ianya terus akan menjadi satu wabak, satu penyakit dan satu penindasan kepada kestabilan masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya mencadangkan iaitu melihatkan beberapa keadaan-keadaan yang terjadi di kalangan wanita-wanita di negara kita, tidak kira apa agama dan apa keturunan, maka bagi yang berketurunan Islam baiklah rasanya kalau kita wujudkan satu perkhidmatan guaman berbentuk syariah iaitu satu perkhidmatan guaman syara'iah atau syariah diadakan oleh Jabatan Agama Islam atau bagi yang beragama lain diadakan pula Biro Guaman. Kita tidak nafikan, Biro Guaman wujud sekarang ini tetapi Biro Guaman ini tidak dapat dikenalpasti, tidak dapat berhubung rapat dan kadang-kadang tidak diketahui oleh masyarakat umum atau oleh keluarga atau oleh mereka yang dapat mengetahui kes-kes yang berkenaan atau kes-kes penganiayaan, penindasan, pemerasan, kes-kes penagihan dadah, kes-

kes eksplotasi terhadap wanita-wanita ini. Jadi dengan tidak adanya pembelaan-pembelaan dari segi undang-undang, mereka ini terus terlonta-lonta dengan penderitaannya. Hanya yang berpeluang dapat masuk ke Pusat Pemulihan ini sahaja yang barangkali tuahnya ada.

Kita sangat setuju bahawa dengan menunda undang-undang ini setiap yang dipulihkan akan mendapat latihan yang cukup, akan meninggalkan kekesanan yang baik supaya mereka dapat berdikari kembali semula ke pangkuhan masyarakatnya dengan bahagia dan dapat membawa hidupnya bersendiri dengan bekalan latihan-latihan yang telah diterimanya daripada pusat-pusat yang berkenaan.

Baik juga rasanya kalau dapat Kementerian yang berkenaan, apabila mereka ini, maksud saya mangsa-mangsa ini atau peserta-peserta pusat-pusat ini tidak kira Pusat Akhlak, Rumah Bahagia, Pusat Perlindungan Wanita dan lain-lainnya, bila mereka ini hendak habis tempoh perkhidmatannya di bawah susulan atau seliaan lanjutan yang setahun itu seperti yang disebutkan tadi, pihak Kementerian atau jabatan menghubungi kaum keluarga yang berkenaan. Memang ini dibuat, saya tahu. Tetapi kaum keluarganya juga perlu dikursuskan, perlu diberi brain-washed, dengan izin, perlu diberi bimbingan supaya ada rasa kesedaran anak-anak ataupun wanita-wanita yang telah dipulihkan ini diterima semula. Janganlah dicaci, dimaki atau dipandang jijik atau mereka tidak mahu langsung menerima, kerana ini akan sia-sialah pemulihan-pemulihan yang telah dibuat itu seperti juga kepada mangsa-mangsa dadah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya mengesyorkan ialah, selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini dalam bahagian pemulihan wanita **ini**, saya rasa yang belum dibuatnya ialah:

(1) untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan sesuai kepada mereka yang telah dikeluarkan di Kementerian itu sendiri umpamanya, kerana mereka ini sudah cukup latihan;

(2) pernah saya syorkan dalam ucapan waktu kita membahaskan Titah Ucapan Di Raja dahulu, elok juga mereka ini diberikan satu latihan tambahan iaitu menjadi pembantu-pembantu rumah. Kalau kita dapat latih mereka menjadi pembantu-pembantu rumah setelah dipilih mereka yang benar-benar sesuai dengan latar, dengan kelakuan, dengan minat, maka rasanya ajen-ajen untuk membawa pembantu-pembantu rumah dari luar itu yang baru-baru ini telah diluluskan kembali permitnya

oleh Kementerian Luar Negeri, boleh ditarik balik. Kerana mengapa kita mesti menyusui kera di hutan kalau anak di pangkuhan kita masih kehausan. Elok mereka ini dilatih dan kemudian diadakan satu susunan yang teratur sama ada diserahkan kepada satu badan kebaikan atau pada satu Jawatankuasa yang dibentuk yang mengandungi anggota-anggota masyarakat keliling mengendalikan mereka ini untuk bekerja di mana-mana.

Saya percaya, badan-badan sukarelawan wanita sanggup memberikan kerjasama untuk membantu mereka ini mendapatkan pekerjaan, kerana kalau setakat berdikari sahaja tambahan pula musim meleset ini, mereka pula wanita, kadang-kadang bila hendak pergi pinjam modal, rupanya lawa, maka di sana pula nanti berlaku lagi satu masalah. Macam tadi Yang Berhoramt Menteri menyebutkan beberapa masalah untuk dipinda undang-undang ini. Kadang-kadang rupa cantik membawa baik, kadang-kadang juga membawa keburukan. Kerana dia lawa, hendak pinjam duit, yang berkenaan ada sedikit perasaan, lalu mengenakan beberapa syarat-syarat halus atau tertentu dan yang telah pulih ini tadi kembalilah ke alam lamanya. Ini banyak berlaku.

Saya tidak fahamlah, bukan saya hendak mengecam pihak lelaki, tetapi entah mengapa, sebahagian daripada orang kita lelaki, kalau nampak wanita itu muda dan cantik, mudah sahaja fikirannya mengarah kepada mastikanya. Ini kadang-kadang menjadi penghalang kepada mereka untuk hidup bebas sebagai rakyat yang berhak dan sebagai manusia yang berguna.

Satu lagi, baik juga agaknya kalau kita bentuk Jawatankuasa Pencari Jodoh, kerana kebanyakan mereka ini umurnya antara belasan tahun - 21 tahun, 22 tahun. Kalau mereka tidak berpunyalah. Kalau ada suami, tidak bolehlah. Yang janda, janda berhias, janda muda,

janda tidak rasmi ataupun yang masih belum lagi berumahtangga masih muda, cantik, jelita, kita carikan jodohnya. Sebab kalau dia cari sendiri, takut dia nanti akan ditipu lagi. Kita tolong carikan jodohnya kerana banyak pendakwah-pendakwah lelaki dalam negara kita ini yang sedia hendak memberikan amal jariah, amal kebajikan. Barangkali Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini pun mana tahu, kalau masih bujah, mungkin juga mahu bersama-sama dengan urusan yang berkenaan. Kerana dalam agama Islam, pak haji kita ada di sini, sesiapa sahaja yang mengahwini wanita bukan semata-mata kerana nafsu, tetapi kerana ingin menyelamatkan mereka dari kemungkar dan maksiat, pahalanya berlipat ganda. Tidaklah saya hendak galakan cawangan dibuka dua tiga, tetapi ini saranan yang saya rasa boleh membawa kepada satu lagi peluang hidup tenteram, hidup bahagia, hidup menikmati hak-hak sebagai seorang manusia yang sempurna kepada mereka yang telah dipulihkan itu.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh di dalam pindaan Rang Undang-undang ini, ialah mengenai kursus-kursus kelaminan. Kita faham, memang Pusat Islam, YADIM juga INDAH ada juga menganjurkan kursus-kursus berkenaan. Tetapi kita ingin mengesyorkan Kementerian yang berkenaan, saya sudah lupa adakah tidak Kementerian ini menganjurkan kursus-kursus berkenaan. Kalau sudah ada, banyakkan lagi, kalau belum eloklah juga Kementerian atau jabatannya atau pejabat-pejabatnya di negeri dan daerah menganjurkan kursus-kursus yang boleh mendidik bakal suami-isteri atau para suami-isteri yang didapati bertikai selalu, bermasalah selalu, berperang selalu, nanti anak-anak jadi kacau bilau, kepada pendidikan-pendidikan rumah-tangga, pendidikan rohaniah, kasih sayang dan juga tanggungjawab.

Ini boleh mengurangkan lagi perkara atau kejadian-kejadian yang boleh menyebabkan Kementerian ini bertambah teruk bebannya kena membuka banyak lagi Pusat-pusat Pemulihan Wanita-wanita sebagaimana yang sekarang ada dan sebagaimana yang diperlukan kalau kes-kesnya telah banyak nanti.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, adakah kes-kes rogol, mangsa rogol dan juga mangsa kepada sex-maniac atau seks yang luar biasa banyak dikesan oleh Kementerian yang berkenaan **ini**. Kerana nampaknya makin sehari makin banyak cerita-cerita di suratkhabar-suratkhabar, di media-media cetak kita kesah rogol yang menyeramkan, mengerikan dan kadang kala ada juga yang mengsyokkan. Ini bagi orang-orang yang pro sedikit perkara-perkara yang sedemikian. Ada sahaja cerita-cerita rogol. Rogol kanak-kanak berumur 6 tahun, seorang guru sekolah, seorang pendidik merogol sampai 6, 7 muridnya yang di bawah umur. Ini bukan sahaja patut dihukum sebat, tetapi barangkali patut ianya dihukum gantung terus kerana ia telah merosakkan bukan sahaja hari depan, tetapi juga jiwa, naluri anak-anak itu. Mungkin anak-anak yang berkenaan membesar sebagai seorang pesakit jiwa yang teruk, sebagai seorang yang menanggung tekanan jiwa yang sangat teruk dan boleh mengakibatkan beberapa kejadian yang tidak sihat.

Ada banyak mereka yang ditimpa oleh malang begini menjadi pembunuhan kerana memang begitu sifat manusia **ini**, kalau sudah tidak stabil lagi fikirannya, kalau sudah terjejas perasaannya, kalau **terhina** sangat maruahnya, tertekan sangat segalanya, dia akan jadi berangsang, akan jadi ghairah, akan jadi tidak siuman, tidak ada perhitongan, sebab itulah kita dapat cerita dalam negara kita ini

wanita-wanita pun ada yang membunuh, bukan sahaja kerana terpengaruh oleh dadah, tetapi oleh kerana tekanan dan sakit jiwa. Bila siasat latar belakangnya, mereka yang berkenaan itu pernah kena rogol, pernah kena seksa, pernah kena perasugut, pernah menerima tekanan jiwa yang maha hebat atas segala perbuatan yang bukan dari dosanya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau benar ini bertambah banyak, Akta mengenai perkara berkenaan segeralah dipinda pula supaya perogol, supaya pemeras, supaya penindas termasuk suami-suami yang zalim yang mencari makan daripada sumber-sumber menjual darah-daging isterinya sendiri dan lain-lain ini dihukum seberat-beratnya. Dengan ini nanti akan redalah sedikit kejadian-kejadian yang berkenaan. Begitu juga mengenai wanita-wanita yang diimport daripada negara-negara luar.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sindiket-sindiket yang membawa masuk wanita jelita dari luar-luar ini untuk diperdagangkan juga nampaknya sehingga ini belum lagi ada kekesanan dari segi pembanterasannya. Walaupun ini tidak berkaitan dengan undang-undang ini tetapi ianya merupakan punca-punca kejadian yang menyebabkan adanya pusat yang berkenaan. Mereka juga kalau saya tidak salah ada yang telab dikesan dan ada juga ditahan sementara di pusat-pusat yang berkenaan.

Selain daripada **itu**, kes-kes anak-anak yang **liar**, yang ganas, yang **lari** daripada rumah-rumah kerana tekanan-tekanan rumah tangga juga ada diletakkan atau dilindungi di pusat-pusat yang berkenaan.

Saya rasa ada juga baiknya mereka ini diasing-asingkan, mereka yang ganas, yang **liar** dan tidak terkawal tidak dicampurkan dengan mereka yang kes-kesnya tidak begitu berat, mengelakkan daripada jangkitan atau daripada ketidak setabilan pergaulan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan undang-undang ini sangatlah disanjung dan sangatlah dihargai dan lagi sekali saya ingin ucapan setinggi-tinggi tahniah dan sangat mengharapkan supaya perlaksanaannya nanti dapat mencapai kepada matlamat-matlamatnya.

Dan sekiranya didapati ini juga tidak dapat menampung segala kes yang berlaku di negara kita maka saya ingin mengesyorkan Kementerian yang berkenaan mintalah peruntukkan lebih lagi. Insya Allah, kalau sampai di Dewan ini bolehlah kita sokong kerana ini sangat perlu untuk membaiki kepintangan dalam masyarakat, terutamanya kaum sejenis saya sendiri iaitu wanita-wanita. Kerana selain daripada Kementerian **ini**, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lain-lain

agensi atau badan-badan yang mahu mengambil berat hal ehwal wanita yang teraninya atau hal-ehwal wanita-wanita yang terjerumus dalam lembah-lembah kehinaan yang ingin mengeluarkan diri mereka daripada kesengsaraan yang jerkenaan.

Pengawasan-pengawasan juga elok diberikan di sektor-sektor swasta dan di kilang-kilang kerana di sana juga banyak berlaku eksplotasi-eksploitasi tidak rasmi dan banyak juga wanita-wanita ini telah kehilangan maruah dan kemudian dibuang kerja begitu sahaja dan ditampung oleh pusat-pusat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu dahululah hujah-hujah saya bagi menyokong penuh kepada pindaan Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 ini dengan doa semoga ianya terlaksana dengan baiknya dan terpeliharalah wanita-wanita yang mendapat perlindungannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

#### 4.33 ptg

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum aaya memulakan perbahasan saya, ingin saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perlantikan saya ke Dewan ini. Saya sangat terhutang budi atas kepercayaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap kebolehan saya dan saya berjanji akan berkhidmat untuk negara seberapa daya upaya yang boleh dengan penuh semangat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya selaku Presiden MIC, Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu untuk mencadangkan nama saya sebagai Ahli Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya sebagai ahli yang baru tidak mempunyai pengalaman sebelum ini berkaitan dengan adat-adat atau peraturan-peraturan Dewan **ini**. Oleh yang demikian, saya berharap Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat akan faham dan bersabar jikalau saya membuat apa-apa kesilapan dengan tidak sengaja. Saya juga berharap semoga Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil masa untuk menasihati saya akan cara-cara yang boleh saya menjalankan tugas saya sebagai Ahli Dewan ini dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin membahaskan serba sedikit tentang Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini iaitu pindaan-pindaan kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan, yang telah dicadangkan kerana pindaan ini akan memberi lebih perlindungan kepada wanita serta gadis negara ini. Saya percaya peruntukan-peruntukan baru ini akan betul-betul menghalang penghinaan ke atas perkahwinan oleh suami atau oleb ibu-bapa yang tidak berperi kemanusiaan.

Sungguhpun pindaan ini akan membaiki tahap perlindungan untuk wanita-wanita serta gadis-gadis, pada pendapat saya syarat-syarat Akta ini tidak dikuatkuasakan dengan berkesannya sebelum ini. Masih terdapat beberapa kawasan di bandar-bandar yang lebih terkenal sebagai kawasan "lampa merah" ataupun "red light area", dengan izin, di mana terdapat wanita-wanita di bawah umur 21 tahun yang menjadi mangsa kepada orang-orang yang tidak berperi kemanusiaan. Saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah-masalah sosial **ini**, dengan mengadakan lebih banyak serbuan-serbuan ke tempat-tempat atau kawasan-kawasan ini. Diharap juga wanita yang ditahan hasil serbuan-serbuan ini akan diberi latihan yang berguna supaya mereka boleh berdikari

Selepas tempoh tahanan di dalam pusat perlindungan tersebut ditamatkan.

Saya juga mencadangkan bahawa orang-orang yang didapati menyalahgunakan wanita-wanita atau gadis-gadis untuk maksud haram pergerakannya haruslah ditahan di Pulau Jerejak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan ke atas Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan berharap Dewan yang mulia ini akan meluluskan pindaan ke atas Akta ini. Diharapkan pindaan-pindaan Akta lain di masa depan yang berhubung kait dengan perkara wanita akan juga diberi pertimbangan yang sewajarnya supaya meningkatkan kesejahteraan kaum wanita di negara ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim.

#### **4.38 ptg.**

**Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama memberi sokongan kepada suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa perkataan "Pegawai Kebajikan Masyarakat" diganti dengan "Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri" ini menunjukkan skop di antara kedua-dua perkataan ini ada bezanya, yang mungkin "Pengarah" lebih luas kuasanya dari "Pegawai". Mungkin "Pegawai" kuasanya digunakan untuk daerah sahaja.

Sehubungan dengan ini juga cara penggunaan bahasa yang sesuai dapat melahirkan perbezaan antara perkataan "Pengarah" dan "Pegawai" di mana anggapan keseluruhannya tentulah "Pengarah" lebih berkuasa daripada "Pegawai" yang disimpulkan dengan perkataan "Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri."

Adalah wajar Kementerian ini mengambil inisiatif di segi penggunaan bahasa supaya tepat dan lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu maka Akta ini memperuntukkan kepada wanita dan gadis di mana walaupun seseorang perempuan itu telah mencapai umurnya 21 tahun atau berkahwin semasa dalam penahanan, dia dikehendaki ditempatkan di tempat perlindungan sehingga tempoh perlindungan berakhir.

Peruntukan ini juga bertujuan memastikan bahawa program pemulihan adalah tidak terhenti separuh jalan kerana kiranya separuh jalan ini akan menjelaskan kesannya dan tambahan ia juga akan menghalang dari penghinaan ke atas perkahwinan oleh suami-suami atau oleh ibubapa yang tidak berperikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan sosial negara yang begitu mencabar di mana moral anak-anak muda, khususnya gadis-gadis dan wanita, amat ketara sekali maka wajarnya penempatan perlindungan wanita dan gadis yang kejatuhan akhlak dan moral dan bernasib malang itu diberi perhatian demi perhatian kerana kalau tidak diberi perhatian yang serius, mereka ini akan berlarutan dengan moral yang rendah, akan menjelaskan masyarakat umum dan negara dan mungkin akan menambahkan pula penyakit-penyakit masyarakat yang akan membebankan kepada negara. Akta ini juga adalah satu-satu perlindungan dan pertolongan serta memberi perhatian kepada wanita dan gadis.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga program-program di pusat perlindungan wanita perlulah diisikan dengan ajaran-ajaran dan latihan-latihan kerohanian atau pelajaran agama kerana pelajaran agama inilah sahaja satu-satunya jalan yang boleh menjamin mereka ke jalan yang baik dan berakhhlak tinggi di samping menambahkan aktiviti-aktiviti yang memperdekatkan daya latihan yang lebih positif seperti pengetahuan memasak, menjahit, kesihatan, bahasa, urusan rumahtangga, mendandan dan lain-lain lagi mengikut kecenderungan dan minat masing-masing. Adalah diharapkan dengan adanya Akta yang diperuntukan ini dapat menolong dan menghasilkan kebaikan dan akan membuka lambaran baru bagi wanita-wanita dan yang memberi harapan perlindungan kepada wanita supaya tercapai iaitu sebagaimana matlamat yang dirancangkan oleh Kementerian tersebut dan melahirkan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini juga membicarakan kepada wanita yang berumur 21 tahun. Saya ingin tahu bagaimana pula kalau gadis yang berumur lebih 21 tahun yang rosak moral atau akhlaknya yang tidak berkahwin secara rasmi atau tidak berkahwin secara halal, adakah gadis ini dikira sebagai 'wanita' atau disebut 'gadis' juga? Juga saya ingin tahu gadis-gadis yang tidak berkahwin secara rasmi sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan yang mereka ini melebihi had umur dari 21 tahun, adakah diberi perlindungan yang sama dan kalau tidak, ke manakah mereka ini ditempatkan, di jelkah atau ke mana?

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga keselesaan di tempat pemulihan serta layanan hendaklah diambil kira manakala pengetahuan serta pelajaran yang disediakan itu sebagaimana yang dibicarakan, biarlah benar-benar dipraktikkan dan berkesan, juga mudah diterima dan faham oleh mereka sehingga mereka ini boleh berdikari dan dapat menjalankan sisa-sisa hidupnya ke jalan yang diredhai dan dapat kembali kepada masyarakat. Kiranya didapati kedegilan atau keengkaran mereka hendaklah dikenakan hukuman yang seimbang dan lebih berat supaya Akta Perlindungan ini benar-benar wujudnya untuk kebaikan dan bimbingan kepada gadis dan wanita yang rosak moral dan memberi manfaat dan bermakna yang bersungguh-sungguh kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memang tepat dan sesuai sekali dengan prinsip Kerajaan di mana Tradisi Membela Rakyat adalah sebagai matlamat Kerajaan yang ada pada hari ini, khususnya perhatian yang serius kepada kaum-kaum yang lemah dan teraniaya, lebih-lebih lagi kepada anak-anak gadis dan wanita. Dalam Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk membela kepada anak-anak gadis dan wanita yang malang - yang malang ini bukan bererti ketiadaan ibubapa dan keluarga tetapi yang malang ini bermaksud kerosakan akhlak dan

moral, maka perlulah kita mencari jalan dan ikhtiar bagaimana hendak menghindarkan anak-anak gadis dan wanita supaya jangan terjerumus ke dalam jurang yang hina dan kerosakan serta jangan terjebak dalam moral yang rendah dan terkutuk. Kita perlulah memikirkan bersama kenapa kerosakan akhlak dan moral makin menjadi-jadi di masa kini. Apakah yang menjadi tarikan yang melebihi dan apakah desakan yang kuat sehingga banyak anak-anak gadis menipu kepada ibubapanya sendiri, keluar daripada rumah, tidak balik-balik, sehingga baru-baru ini ada yang kita dengar gadis yang berumur 12 tahun mengikut seorang 'boy friend'nya yang telah larut umurnya dan diperkosakan. Inilah gejala-gejala nasib malang kepada mereka.

Dari itu, pada fikiran saya membendungkan dan mencegah adalah lebih mustahak daripada membela yang telah rosak. Dalam masalah ini, siapakah yang hendak dipersalahkan? Dari itu, saya menyeru kepada Kementerian ini supaya mengadakan satu daya pemikiran kepada masyarakat keseluruhannya supaya dapat memerangi hawa nafsu, kerana dari akal nafsu jahatlah mereka sanggup berbuat apa sahaja asalkan kepuasan nafsu boleh didapati sehingga sanggup berbunuh-bunuhan, sanggup bermusuh-musuhan tidak kenal sesiapa lagi. Sebagaimana Hadis Rasulullah s.a.w, yang bermakna "sekembalinya Rasulullah s.a.w. dari peperangan yang mengatakan, 'Kita telah selesai dari satu peperangan yang kecil' Kemudian bertanyalah pula sahabatnya, 'apa dia peperangan yang besar?' Maka dijawabnya, 'Kita akan menghadapi pula peperangan yang besar iaitu peperangan hawa nafsu'.

Diharapkan juga dengan kerjasama daripada Kementerian ini dan juga Kementerian Penerangan supaya mengawasi siaran-siaran dari TV terutamanya saluran TV 3 yang selalu mempertunjukkan pakaian-pakaian yang menjolok mata dari artis-artis, ada kalanya yang laboh di depan

dan koyak di belakang. Semua ini boleh menarikkan kepada anak-anak muda kita ke dalam perkara yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita hidup di negara Malaysia ini sebagai masyarakat majmuk, tetapi kerana Kerajaan telah mempunyai kuasa maka kuasa itulah yang boleh menentukan keadaan buruk baiknya sesuatu negara.

Pada akhirnya, saya menyokong Akta ini sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat. Sekian, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak membahaskan? Kalau tidak ada, saya minta Menteri yang berkenaan memberi jawapan.

#### **4.47ptg.**

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan yang telah memberikan pandangan serta cadangan terhadap meningkatkan lagi kekesan peranan Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam menghadapi masalah sosial yang ada bersangkut pautnya dengan wanita dan gadis khususnya yang tertera dibawah Rang Undang-undang Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 bersesuaian dengan pindaan-pndaan yang dicadangkan untuk meminda kepada Akta induk ini.

Di dalam ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Hasanah, beliau telah menimbulkan pertanyaan mengenai kepada soal punca pada berlakunya kejadian-kejadian maksiat dan penglibatan gadis dan wanita di dalam soal-soal ini, serta telah mencadangkan agar lebih bermakna dan lebih berkesan supaya pembendungan dilakukan

terlebih dahulu, supaya dengan adanya pembendungan itu lebih mudah kita menghadapi masalah dan tidak perlulah ketika sudah rosak atau telah menghadapi masalah tindakan pembetulan diambil oleh pihak Kerajaan.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu, bahawa pembendungan adalah lebih berkesan dan lebih bermanfaat kepada masyarakat daripada mengambil tindakan untuk membetul atau memperbaiki keadaan dan masalah. Tetapi haruslah kita juga menerima hakikat bahawa usaha-usaha membendung daripada berlakunya masalah ini perlu dilakukan dan terletak kepada tanggungjawab keluarga di dalam proses pendidikan kepada kurikulum di sekolah-sekolah, kepada masyarakat dan norma-norma masyarakat juga **nilai-nilai** yang dianggap penting dan mustahak oleh pihak masyarakat sendiri.

Kepada ibu bapa, kepada kawan-kawan dan rakan-rakan dan merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama dan bukan sebenarnya terletak kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat kerana Kementerian Kebajikan Masyarakat ini hanya terlibat apabila sudah menjadi masalah.

Jadi, apabila sudah timbul masalah dan sudah menjadi satu keadaan, satu kes yang perlu mendapat perhatian untuk diperbaiki atau diperbetulkan barulah Jabatan Kebajikan Masyarakat terlibat dan oleh hal yang demikian, untuk meringankan sedikit tugas Kementerian Kebajikan Masyarakat atau untuk menggalakkan lagi usaha-usaha pembendungan atau penyekatan dari berlakunya masalah-masalah yang terjatuh di bawah kawalan Akta ini, saya berharap sangat bahawa semua pihak sama ada di peringkat ibu bapa, di peringkat sekolah, di peringkat masyarakat dapat menumpukan kepada proses hakisan moral dan **nilai-nilai** suci yang sendiri disaksikan oleh kita, di dalam masyarakat, di dalam negara kita supaya tidaklah kita menunggu sehingga ia menjadi masalah, menjadi problem baru hendak dipanggil atau dirujukkan kepada Pusat-pusat Perlindungan Akhlak dan sebagainya.

Bagaimanapun saya rasa kerana kita tidak boleh menjadi satu masyarakat yang perfect atau masyarakat yang sempurna kesemuanya, sudah pastilah ada anggota-anggota masyarakat kita yang menimbulkan masalah-masalah sosial. Dan kepada golongan inilah yang perhatian Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat menumpukan perhatiannya, iaitu kepada golongan yang kecil, yang mana terlibat di dalam soal-soal moral, terlibat dalam soal-soal maksiat dan dikhususkan pula kepada golongan gadis dan wanita yang di bawah umur 21 tahun.

Tujuan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, ialah untuk memberikan perlindungan kepada gadis dan wanita di bawah umur 21 tahun, dengan memberikan perlindungan kepada mereka sebelum mereka sampai kepada umur 21 tahun, di mana selepas itu dianggapkan bahawa mereka boleh membuat pilihan sendiri dan boleh menerima hukuman mengikut golongan dewasa, kalaularah terlibat dalam masalah-masalah yang tertentu atau kesalahan-kesalahan yang tertentu.

Dari segi Akta ini, perhatiannya tertumpu kepada golongan wanita dan gadis yang dianggap masih memerlukan perlindungan dan masih memerlukan pertolongan dari segi pihak Kerajaan sendiri dan oleh sebab itulah ditubuhkan Pusat-pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di mana diadakan latihan, diadakan seliaan, diadakan berbagai-bagai cara untuk memulihkan mereka supaya mereka akhirnya akan menjadi anggota masyarakat yang berguna.

Ahli-ahli Yang Berhomat juga telah menimbulkan tentang soal latihan dan persiapan bagi penghuni-penghuni pusat-pusat perlindungan.

Sukalah saya menyatakan bahawa memang kita menyedari, bahawa wanita merupakan satu golongan yang istimewa dan mempunyai keistimewaan sendiri dan perlulah diberikan latihan yang bersesuaian dengan keistimewaan mereka. Dan dengan cadangan yang telah disampaikan supaya dapat diberikan latihan sebagai pembantu rumah, ini juga sedang dan telah dijalankan di pusat-pusat di negara kita ini melalui kelas-kelas urusan rumahtangga dan di samping itu juga diberikan latihan untuk mengasuh kanak-kanak supaya kalau dari segi latihan dan penyeliaan mereka boleh menjadi pembantu rumah yang benar-benar berkelayakan, kalaulah diperlukan oleh mana-mana majikan, mana-mana keluarga untuk menggaji mereka atau melantik mereka sebagai pembantu rumah di rumah-rumah yang berkenaan.

Sebenarnya tekanan dan pandangan serius yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, kepada Pusat-pusat Perlindungan Wanita ialah bahawa dalam tempoh 3 tahun di mana seseorang wanita itu dikehendaki berada di rumah perlindungan itu tertumpu kepada soal menentukan supaya apabila ia keluar kelak, ia sudah mendapat pekerjaan.

Sebenarnya sudah menjadi satu dasar Kerajaan atau satu syarat bahawa sebelum seseorang gadis itu dibebaskan, Pegawai Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah, adalah bertanggungjawab untuk mencarikannya kerja yang sesuai, sejajar dengan latihan kemahiran yang diperolehinya semasa dalam pusat perlindungan itu. Kalaulah ia tidak mendapati satu pekerjaan, maka pihak Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri memang diminta untuk memberi penjelasan dan penerangan mengapa proses untuk mendapatkan pekerjaan itu tidak dapat dilakukan dengan berkesan.

Oleh itu Pusat Perlindungan Wanita yang dijalankan di bawah naungan Kementerian Kebajikan Masyarakat ini, bukan setakat mengambil berat dengan tujuan untuk menahan sahaja, atau untuk memulih mereka dengan cara memberi latihan kemahiran dan latihan vokesyenal, tetapi mengambil barat tentang masa selepas mereka keluar daripada pusat yang berkenaan dan selepas mereka keluar, diberikan pula penyeliaan selama setahun, supaya mereka sentiasa dikawal dan sentiasa ditentukan tidak menghadapi masalah-masalah yang lain untuk menjadi seorang anggota masyarakat yang berguna dan mereka tidak pula tertarik untuk melakukan kesalahan atau mengikut jejak langkah mereka yang lama.

Di samping itu sepetimana yang telah saya sebutkan di dalam soal hubungan dengan tanggungjawab untuk menjaga orang-orang tua di negara ini, keluarga juga merupakan golongan yang penting di alam usaha memulih seseorang gadis yang berada di pusat pemulihan. Pegawai Kebajikan di peringkat daerah sentiasa berhubung dan bekerja rapat dengan ibu-bapa keluarga gadis yang berkenaan dan sentiasa digalakkan ibu-bapa untuk melawat anak mereka di pusat-pusat pemulihan dan dengan seberapa kerap yang boleh. Usaha sentiasa dijalankan untuk merapatkan hubungan di antara gadis yang berkenaan dengan keluarganya dan sudah pasti usaha seperti ini akan dapat mengatasi masalah yang disebutkan oleh Senator Ainan Ariffin dan juga Senator Datuk Haji Nasir bin Manap yang telah menyatakan bahawa kemungkinan besar satu punca kepada masalah yang dihadapi oleh gadis ini ialah kerana hubungan yang terputus di antara gadis yang berkenaan dengan ibubapanya.

Kementerian sentiasa sedar bahawa sebahagian daripada punca kepada masalah sosial seperti ini terletak kepada hubungan di antara bapa atau ibu dengan anak dan di dalam soal saikologi seorang anak mungkin tidak dapat perhatian dan mungkin lebih terpengaruh oleh keadaan luar daripada rumah dan Pegawai Kebajikan Masyarakat sentiasa merupakan mereka yang terlatih untuk memberikan kaunseling kepada ibu-bapa dan lebih-lebih lagi di dalam usaha pemulihan seorang gadis yang terlibat di bawah tahanan di dalam pusat pemulihan yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Oleh itu, segala usaha dijalankan untuk menentukan supaya seorang gadis yang menjadi penghuni atau tahanan di dalam sebuah pusat pemulihan itu akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada pemulihan yang dijalankan

oleh pusat pemulihan yang berkenaan.

Pemulihan yang dilakukan oleh pusat itu berjalan selama tiga tahun dan mengikut Akta yang sedia ada kalaularah seorang itu masuk ke pusat yang berkenaan ketika ia berusia 20 tahun, bermakna ia akan hanya dapat peluang untuk dipulihkan dari pusat yang berkenaan selama satu tahun sahaja, kerana ia perlu dilepaskan atau dibebaskan ketika ia berumur 21 tahun. Oleh kerana Kementerian yakin dan mempunyai confident dan keyakihan terhadap proses pemulihan yang telah dijalani di pusat-pusat yang berkenaan maka adalah penting supaya setiap mereka yang dihantar kepada pusat pemulihan itu menjalankan program pemulihan itu mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu sehingga tiga tahun yang telah ditetapkan walaupun ia telah sampai kepada umur 21 tahun ataupun lebih ataupun telah berkahwin dan sebagainya. Oleh sebab itulah yang pentingkan di dalam pindaan kepada Akta ini ialah untuk menentukan agar setiap daripada mereka yang telah dihantar kepada pusat pemulihan akan menjalani program pemulihan selama tiga tahun dan akan dapat diberikan seliaan pula selama setahun selepas ia dibebaskan daripada pusat yang berkenaan. Dan saya percaya dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga dengan pindaan kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis tahun 1973 ini, bermaknalah bahawa pemulihan itu dapat dilakukan tanpa tergugat atau terjejas semata-mata kerana seorang gadis itu telah sampai kepada umur 21 tahun ataupun telah dikahwinkan atau telah berkahwin, sedangkan ia telah didapati terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang mesyaratkannya dimasukkan atau diletakkan di bawah jagaan pusat-pusat perlindungan di bawah Akta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan sekali lagi

berbanyak terima kasih kepada pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 ini. Saya berasa terhutang budi kepada pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang boleh digunakan untuk meningkatkan lagi kesan proses pemulihan yang dijalankan di pusat-pusat perlindungan ini dan saya walaupun tidak menjawab kepada semua perkara-perkara yang telah ditimbulkan, saya rasakan bahawa sokongan yang telah diberikan oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat itu menjadikan satu perangsang kepada Kementerian dan jabatan di bawah Kementerian saya untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan dan dengan perasaan bertanggungjawab. Sekian.

**Tun Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

**Fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.10 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang. Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam acapan Belanjawan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II, adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Fasal 4 bertujuan untuk memperluaskan skop takrif pinjaman yang diluluskan, Takrif pinjaman yang diluluskan, diperluaskan merangkumi pinjaman-pinjaman asing yang melebihi dua ratus lima puluh juta ringgit yang dibuat kepada seseorang selain daripada pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau badan-badan berkanun. Pinjaman diluluskan ini hendaklah mendapat kelulusan dari Menteri Kewangan terlebih dahulu dan layak menikmati pengecualian cukai pegangan.

Fasal 6 dan 11 masing-masing bertujuan meminda Seksyen 15 dan 109 Akta bagi membolehkan cukai pegangan dikenakan di atas bayaran faedah atau royalti yang dibuat oleh seorang bukan pemastautin kepada seorang bukan pemastautin yang lain, di mana bayaran berkenaan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan yang terakru atau diperolehi dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 pula bercadang untuk meminda Seksyen 44, Subseksyen 7 untuk membolehkan pelepasan cukai bagi pen-derma-penderma yang menderma kepada institusi-institusi bantuan Kerajaan yang menjalankan kajian penyelidikan di dalam bidang sosio-ekonomi.

Di bawah peruntukan sekarang, premium yang diterima oleh syarikat-syarikat insurans nyawa tidak dianggap sebagai pendapatan tetapi komisen yang dibayar untuk mendapat premium berkenaan dibenarkan dipotong dari pendapatan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9 bertujuan untuk meminda Seksyen 60 Akta dengan tujuan komisen yang dibayar oleh syarikat-syarikat insurans nyawa tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Perkara ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat bagi membolehkan syarikat-syarikat insurans membuat penyesuaian dan mengukuhkan kedudukan. Fasal ini juga menyatakan bahawa hanyal perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan ibu pejabat yang boleh menghasilkan pendapatan sahaja dibenarkan sebagai potongan.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun taksiran 1987 skim potongan bulanan untuk membayar cukai pendapatan diwajibkan bagi semua pekerja. Fasal bertujuan meminda Seksyen 120 Akta supaya peruntuhan-peruntukan penal yang sedia ada digunakan sekiranya terdapat majikan-majikan yang tidak mematuhi arahan untuk memotong cukai daripada emolumen seseorang pekerja.

Fasal 14 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 128 Akta supaya menarik balik pengecualian yang diberi kepada pendapatan dari sewaan rumah yang diterima oleh seseorang disebabkan bertukar tempat kerja atau urusan perniagaannya. Fasal 15 pula bercadang meminda Seksyen 153 Akta yang menghendaki jururunding cukai membayar yuran di atas permohonan bagi mendapatkan kelulusan atau memperbaharui kelulusan untuk menjadi Akauntan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat kebocoran di dalam sistem pungutan cukai pendapatan disebabkan pengecualian yang meluas diberi kepada institusi-institusi dan organisasi-organisasi. Dengan itu Fasal 19 bercadang untuk meminda Bahagian I, Jadual 6, Akta supaya menarik balik pengecualian cukai pendapatan kepada, friendly society. Selain daripada itu, dividen yang ditertma oleh charitable organizations, trade unions, dan amateur sports organisations, dengan izin, akan dikenakan cukai. Fasal ini juga bertujuan untuk memansuhkan senarai organisasi-organisasi yang dinyatakan di bawah Bahagian II, Jadual 6, Akta. Organisasi-organisasi yang layak sahaja akan diberi pengecualian cukat dan ini akan diwartakan. Fasal ini selanjutnya bertujuan meningkatkan had pengecualian cukai ke atas bayaran pampasan kerana kehilangan kerja dari \$2,000 kepada \$4,000 bagi setiap tahun genap tempoh perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 bertujuan untuk meminda perenggan 7 Jadual 7A, Akta untuk menerangkan hal keadaan di mana sesebuah syarikat tidak boleh menuntut elauan pelaburan semula.

Bab III adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Fasal 23 bertujuan untuk meminda definisi Bank Islam untuk membolehkan mana-mana orang yang menjalankan urusan kewangan mengikut Syariah diberi layanan cukai yang sama seperti bank-bank lain. Fasal 24 bertujuan untuk meminda perenggan 2 Jadual 4, Akta untuk membolehkan semua orang perseorangan yang melupuskan hartanya menuncut pengecualian cukai sebanyak lima ribu ringgit atau 10% daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai mengikut yang mana lebih besar. Fasal 25 bertujuan untuk meminda Jadual 5, Akta untuk mengurangkan kadar-kadar cukai di atas keuntungan harta tanah dan mengenakan kadar-kadar cukai yang sama bagi semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada Akta Cukai. Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, bagi memperbaiki lagi perjalanan pentadbiran cukai pemindahan syer dan untuk memastikan pertumbuhan syarikat-syarikat tidak terhalang disebabkan oleh cukai. Fasal 27 meminda tafsiran, syarikat berasaskan tanah, di mana sesbuah syarikat tidak dianggap sebagai syarikat berasaskan tanah sekiranya sebahagian premisnya yang disewa atau boleh disewa adalah tidak melebihi 10% dari jumlah keseluruhan keluasan premisnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 28 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 4A, Akta bagi membolehkan pengecualian cukai diberi kepada syarikat yang menyusun semula untuk tujuan kecekapan di mana **hakmilik** sebenar aset tidak berubah. Fasal ini juga memberi pengecualian cukai ke atas pemindahan aset sama ada individu atau syarikat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Pengecualian cukai ini diberi kepada syarikat yang memindah atau menerima syer.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 29 bertujuan meminda Seksyen 5 Akta supaya tarikh kelulusan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing, dikira sebagai tarikh pelupusan, apabila aset yang dilupus bernilai lebih daripada lima juta ringgit. Fasal 30 pula bertujuan meminda Jadual I, Akta untuk mengurangkan kadar cukai pemindahan syer dari 10% kepada 2%.

Bab V ialah pindaan kepada Akta Sewa Filem Sinematograf 1985. Fasal 32 bertujuan untuk memansuhkan keperluan mendapatkan kelulusan dari Menteri Kewangan untuk menaikkan harga tiket masuk pawagam.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VI dan VII Rang Undang-undang ini mengandungi pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Ordinan Setem 1949 dan Ordinan Setem (Sabah).

Fasal 37 dan 39 adalah bertujuan untuk memberi pengecualian, bukan sahaja kepada syarikat-syarikat yang menyusun semula atau bercantum sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, tetapi juga dengan tujuan meningkatkan kecekapan dan perkembangan.

Selain daripada itu, pindaan-pindan ini bertujuan untuk memastikan syarikat-syarikat yang menyusun semula dan bercantum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru tidaklah tertakluk kepada tempoh pegangan dua tahun bagi syer-syer yang diterima.

Bab VIII adalah berkenaan dengan beberapa pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972, bagi tujuan memperkemaskan dan memperketatkan lagi pentadbiran Akta tersebut.

Fasal 41 adalah untuk menghapuskan seksyen 7(3) yang membenarkan cukai jualan dikenakan berasaskan upah.

Fasal 42 adalah untuk meminda seksyen 11, untuk menentukan bahawa **nilai** cukai jualan yang digunakan adalah **nilai semasa**, dengan izin, **current value** dan bukannya **nilai** pada masa pengecualian itu diberi atau pulangan balik.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 43 adalah untuk membatalkan peruntukan "atau mana-mana orang lain yang menjalankan urusan" dalam seksyen 13(2) untuk menentukan bahawa pengilang-pengilang sahaja menikmati kemudahan-kemudahan yang diberi di bawah Akta **ini**.

Fasal 44 adalah untuk menetapkan bahawa kadar penalti maksima 50 peratus yang boleh dikenakan sekiranya seseorang pelesen gagal membayar cukai jualan dalam masa yang ditetapkan.

Fasal 45 adalah untuk meminda seksyen 30 untuk membolehkan pihak Kastam menahan dan melelong barang-barang sekiranya seseorang pelesen gagal membayar cukai jualan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IX adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Fasal 47 adalah bertujuan menetapkan bahawa kadar penalti maksima 50 peratus untuk cukai perkhidmatan yang tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah.

### **5.25 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kewangan, 1986 ini. Saya akan bercakap mengenai pindaan Bab VIII dan IX.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta-akta tersebut adalah sebagai tindakan Kerajaan secara positif bagi memperkemaskan kelonggaran atau kelemahan yang mungkin ada di dalam Akta-akta tersebut.

Dari apa ang saya difahamkan, pihak Jabatan Kastam di bawah Kementerian Kewangan telah melaksanakan tugas mereka dengan cemerlang dalam aspek pemungutan cukai-cukai jualan dan perkhidmatan dan telah berjaya memungut ratusan juta ringgit cukai jualan daripada firma-firma yang menjual barang melebihi \$100,000 setahun. Bagi firma-firma jualannya kurang dari \$100,000 boleh mendapat pengecualian cukai jualan daripada Jabatan Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa di samping kejayaan Jabatan Kastam memungut cukai jualan tersebut, terdapat juga kes-kes elak cukai melalui perisytiharan yang tidak betul. Kurang jualan bermakna kuranglah cukai jualan yang kena dibayar. Oleh itu, mereka itu cuba mengemukakan, dengan izin, invoice jualan barang yang menunjukkan angka-angka yang tidak benar.

Saya berharap pihak penguatkuasa dari Jabatan Kastam perlulah menyusun semula pendekatan dan strategi atau sistem kawalan pelesenan melalui dokumen-dokumen seperti buku-buku akaun, resit-resit atau invois-invois untuk semakan Kastam. Mungkin sistem yang ada sekarang yang telah berjalan selama lebih dari 14 tahun dan tidak sesuai lagi, kerana mereka yang tertakluk kepada cukai jualan masih boleh melakukan elak cukai melalui penipuan secara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir selain daripada strategi dan pendekatan yang mungkin diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan mengenai cara-cara yang lebih berkesan mengenai cara mengutip setiap

sen cukai jualan, saya berharap pihak Kementerian Kewangan memberi pertimbangan kepada pandangan-pandangan yang berikut:-

- (i) Membenarkan peleasenan cukai jualan membayar tunggakan cukai jualan dalam tempoh 60 bulan atau lama tahun, berbanding dengan tempoh 36 bulan sekarang ini. Bagi penghutang yang melebihi \$50 ribu dan kurang dari \$50 ribu, mengikut budi bicara Kastam, tetapi tidak melebihi 60 bulan. Pembayaran secara beransur ini akan menggalakkan si pelesen-pelesen membayar cukai jualan yang telah dipungut, tetapi ia telah terpakai oleh mereka. Mereka telah terpakai wang cukai yang dipungut itu, mungkin disebabkan pembayaran yang dibayar kepada Kastam selepas penghujung bulan, kerana apabila duit ada di dalam tangan dan perlu digunakan dalam urusan mereka. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kalaualah mereka dikehendak membayar secara beransur ataupun secara pungutan jangka panjang, Kerajan akan mendapat wang yang lebih ataupun dapat wang cukai supaya dapat dipergunakan. Jadi kalau kita minta mereka iaitu si pelesen itu membayar sekali gus duit itu sementara dia kumpulkan, mungkin sudah dipakainya. Jadi apabila mana Kerajaan hendak pungut, dia kata duit sudah tidak ada. Jadi secara begini, si pelesen itu cuba mengelakkan cukai. Wang atau

cukai jualan yang telah, dipungut bagi pihak Kerajaan terpaksa digunakan, akibatnya mereka tidak terdaya menggantinya semula.

- (ii) Tindakan undang-undang seperti merampas barang kepunyaan pelesan dijual dan dipungut cukai jualan yang berhutang kepada Jabatan Kastam mestilah dilaksanakan secara positif setelah memberi amaran yang secukupnya kepada pelesen yang berkenaan.
- (iii) Pungutan cukai jualan bulanan ditukar kepada sistem pungutan cukai jualan secara mingguan atau dua minggu sekali adalah lebih berkesan di mana Kerajaan boleh mendapat hasil dan mengurangkan beban kepada pelesen.

(iv) Mendapat kerjasama dari Kementerian Penerangan untuk menyiarkan peraturan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan kepada orang ramai yang tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan, Melalui siaran ini kita akan dapat memperingati atau memperingatkan mereka membayar cukai-cukai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Cukai Perkhidmatan, saya difahamkan juga bahawa orang-orang yang menjalankan urusniaga perhotelan dan restoran mungkin tidak memberi kerjasama kepada Kerajaan dari ajpek pembayaran cukai itu kepada Jabatan Kastam. Saya berharap, selepas pindaan dalam Akta Cukai Perkhidmatan ini, Jabatan Kastam hendaklah melancarkan operasi terhadap hotel-hotel atau restoran-restoran yang terlibat dengan tunggakan cukai itu atau yang enggan membayar cukai itu. Kalau mereka telah menggunakan cukai yang dipungut bagi pihak Kerajaan, mereka mestilah menerima hukuman atas perbuatan jenayah mereka. Pegawai-pegawai dari Jabatan Kastam khususnya yang mahir dalam perakaunan hendaklah dikerahkan dalam Cawangan-cawangan Cukai Perkhidmatan, Jabatan Kastam dan mestilah menjalankan tugas dengan lebih tegas lagi untuk mengutip Cukai Perkhidmatan daripada mereka yang terhutang cukat tersebut.

Sebenarnya tidak ada masalah untuk membayarnya kerana pelesensi-pelesen itu dibesarkan mengutip 5% Cukai Perkhidmatan di hotel atau restoran dan membayarnya kepada Kerajaan. Apa yang berlaku ialah mereka telah tidak membayarnya kepada Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap Jabatan Kastam akan menyusun semula Unit Cukai Perkhidmatan ini supaya pegawai penguatkuasanya terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan dalam hal-hal perakaunan.

Bukti penyelewengan cukai tersebut ialah dari buku-buku perakaunan yang disimpan oleh pelesen-pelesen. Ada kalanya mungkin mereka menyimpan dua jenis rekod. Satu rekod Kastam atau satu lagi menunjukkan pendapatan yang sebenarnya untuk kegunaan mereka sendiri. Kadangkala mereka ini ada menyimpan dua buku. Pendapatan yang sebenarnya disorok atau dia menyimpan satu pembuat kira-kira yang menunjukkan dia rugi ataupun menunjukkan yang dia cukup-cukup makan sahaja. **Dia hendak lari daripada cukai.** Ini berlaku.

Saya mengambil bahagian dalam Bab VIII dan IX ini kerana memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi kita yang begitu teruk di manakah negara hendak mencari wang. Adakah kita mesti berhutang sepanjang masa, adakah kita mesti meminjam daripada negara luar dengan bayaran yang begitu banyak, dengan kadar-kadar faedah yang begitu tinggi, misalnya. Inilah sebab saya tekankan kita mesti mencari punca-punca sumber wang daripada rakyat kita ataupun daripada peniaga-peniaga yang cuba mengelak dan melarikan cukai supaya menyiasat ataupun pergi mencari dan berkawan dengan peniaga-peniaga ini.

Memang ada terdapat semua bangsa, saya tidak elak, ada juga daripada orang bumiputera yang cuba mengelak cukai. Penjualan yang sebenar laku? Tak laku, kurang sedikit, adalah; tetapi kita tengok laku. Buku yang sebenarnya disorok, mewah hidupnya, tak laku? Bolehlah, cukup makan. Buku yang sebenarnya memang ada, tak tahu lah macam mana dan pihak Kastam hendaklah menyiasat dengan cara menyamar diri, pergi makan, pegi tidur di situ, menyiasat sebenar-benarnya, menyamar buat macam Special Branch, jangan datang dengan kot kastam, dengan memakai uniform kastam memang tak dapat, tetapi menyamar diri sebagai intelligence, gunakan wanita pergi tidur dan makan di situ [**Ketawa**]. Bukan maksud tujuan tak baik, menyamar sebagai

Special Branch wanita ada untuk mencari rahsia yang sebenarnya dari-pada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha yang cuba mengelak cukai. Inilah wang negara yang **lari**, yang sebenar-benarnya **lari**. Jadi, kita meminjam membayar dengan faedah yang tinggi yang menanggung rakyat, petani-petani kelapa yang tak dapat hasil. Ini amal sedih.

Memang saya suka dan saya cari bab-bab bagaimana untuk mendapatkan balik wang kita yang cuba dilarikan ini. Sebenarnya kita kaya, Tuan Yang di-Pertua.

Kelima, Kementerian Kewangan perlu juga membuat kajian sama ada boleh mengeluarkan lesen-lesen kepada syarikat swasta yang berpengalaman dan berpengalaman dalam bidang perkastaman termasuk hal-hal Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan untuk memberi khidmat nasihat kepada beribu-ribu pelesen di bawah Akta Cukai Jualan dan Akta Cukai Perkhidmatan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan di sini, kadang-kala pihak-pihak peniaga ini hendak bayar cukai, hendak membuat cara mana cukai **ini**, dia tak tahu kerana tidak ada khidmat nasihat dari-pada orang-orang yang tertentu bagaimana hendak membayar cukai dengan cara yang betul dan sebagainya. Pihak Kementerian hendaklah mengambil berat dalam masalah ini.

Syarkat ini juga dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan Kastam yang telah bersara boleh membantu sektor swasta dalam hal-hal perkastaman. Sebagai contoh, untuk memberi bantuan kepada orang awam daripada aspek keselamatan, Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan lesen-lesen agensi kepada syarikat-syarikat keselamatan untuk mengawal bangunan dan harta benda termasuk penyiasatan. Cara ini dapat membantu pibak Polis mengawal keselamatan.

Dalam hal ini misalnya, seksyen 90 Akta Kastam perlu dikaji semula supaya peruntukan dibuat untuk mengeluarkan lesen agensi perkhidmatan nasihat hal-hal perkastaman kepada pelesen-pelesen Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. Syarikat swasta yang mempunyai lesen agensi perkastaman ini akan dapat memberi pekerjaan kepada **belia-belia** yang bekelulusan undang-undang, perakaunan dan sebagainya dalam menjalankan urusniaga kepada pelesen-pelesen Cukai Jualan, Cukai Perkhidmatan, Cukai Eksais dan Cukai Kastam. Mungkin rakyat biasa tidak faham peraturan-peraturan mengenai perkastaman itu, khususnya dalam tahun 1980an ini.

Dalam keadaan sekarang ini pelepasan ini terpaksaalah mengambil seorang dua kerani untuk mengemaskini rekod-rekod dan resit-resit penyata bulanan, pembaruan lesen, pengecualian cukai dan **lain-lain lagi**. Dengan wujudnya syarikat swasta sebagai agensi perkastaman ini segala kerja-kerja pengurusan itu akan dibuat oleh agensi perkastaman bagi pihak pelesen-pelesen menurut undang-undang. Saya yakin dan percaya masalah yang dihadapi oleh orang awam, seperti alasan tidak tahu dan tidak faham Undang-undang Kastam termasuklah Akta Cukai Jualan, Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Hilang apabila tugas-tugas mereka diambilalih oleh agensi perkastaman yang saya cadangkan itu,

Dalam zaman sains dan teknologi ini bermacam-macam boleh berlaku. Ada yang jujur, ada yang tidak jujur, sengaja melakukan penipuan secara profesional untuk mengelakkan cukai Kerajaan. Oleh itu, Kementerian Kewangan hendaklah meninjau secara terperinci buruk baiknya sistem yang ada sekarang dan membaikinya atau memperkenalkan apa juga sistem yang lebih produktif demi kepentingan negara, khususnya mencegah kehilangan hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi syabas kepada Kementerian Kewangan, kepada Jabatan Kastam, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan lain-lain di atas kecekapan mereka berjaya mengutip berjuta-juta ringgit hasil utama negara, iaitu Cukai Jualan, Cukai Perkhidmatan dan berharap pihak Kementerian akan memberi apa juga galakan kepada para pegawai Jabatan ini.

Sekali lagi, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan dan memberikan peluang kepada kawan saya untuk bercakap. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

### **5.38 ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bersama-sama membahaskan sebanyak sedikit Rang Undang-undang Kewangan 1986 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Rang Undang-undang Kewangan 1986 dan pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam Pindaan ini semata-mata sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi ialah untuk menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat di dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan berkenaan Akta Perbekalan 1987 dan tujuan asasnya ialah untuk mengemaskinikan lagi, untuk melengkapkan lagi Undang-undang Kewangan kita di dalam hendak melaksanakan pungutan-pungutan dan juga sebahagiannya untuk melupuskan beberapa cukai yang difikirkan patut dibuat semasa negara sedang menghadapi kelembapan, semasa kewangan negara menghadapi kelembapan, kejatuhan harga barang dan sebagainya, maka Kerajaaan cuba mengemukakan supaya beberapa pindaan kepada Undang-undang Kewangan ini dibuat.

Di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan ini ada 9 bab yang besar yang di dalamnya mengandungi beberapa pindaan jadual-jadual kecil yang telahpun disebut oleh Timbalan Menteri Kewangan sewaktu membentangkannya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat di dalam kita membahaskan beberapa Rang Undang-undang di dalam Dewan Negara ini, di dalam beberapa mesyuarat atau persidangan Dewan ini untuk menarik seberapa banyak duit simpanan rakyat Malaysia yang disimpan di, luar negeri. Satu masa dahulu kita ada membahaskan di dalam Dewan ini supaya rakyat Malaysia yang masih bermastautin di dalam Malaysia yang wangnya ada disimpan di bank-bank luar negeri, dibolehkan membawa balik duit itu tanpa memberitahu kepada Kerajaan berapa jumlah yang dia hendak bawa balik dan Kerajaan akan meringankan cukainya. Adakah ini telah dilaksanakan atau belum, kerana kalau kita telah meluluskan undang-undang itu tetapi sambutan daripada hartawan-hartawan kita, jutawan-jutawan kita yang menyimpan duit di luar negeri, kerana kalau disimpan di dalam negeri, cukup tahun akan kena cukai, mungkin cukai kita lebih tinggi daripada cukai negeri lain, sehingga Kerajaan menggalakkan jutawan-jutawan kita membawa balik duitnya untuk dilaburkan dalam negeri daripada disimpan di bank luar negeri, diperniagakan oleh negara lain, ada lebih baik duit itu dibawa balik untuk menolong kelembapan ekonomi, duit itu dilaburkan di dalam negara sendiri.

Jadi, saya ingin tahu sejak kita meluluskan pindaan itu dahulu, berapa banyak, barangkali Kementerian Kewangan tidak dapat tahu berapa ratus juta, atau berapa billion duit yang telah dibawa balik, tetapi sambutan daripada rakyat Malaysia yang menyimpan duit di luar negeri itu menggalakkan atau tidak, untuk dibawa balik duitnya masuk ke dalam Malaysia, dalam negara kita sendiri. Dahulu kita mengalu-

alukan sangat kerana kita tahu ada jutawan-jutawan kita yang menyimpan di beberapa buah bank di luar negeri dengan kod-kod rahsia yang tertentu sehingga orang tidak boleh tanya, orang tidak boleh tahu, tetapi apabila Kerajaan membuka peluang supaya mereka boleh bawa balik duit, jangan takut hendak sebut bank mana, bank mana, sehingga begitu sekali Kerajaan kita mengharapkan supaya selain daripada pelabur-pelabur asing, rakyat kita sendiri yang mempunyai duit, bawa balik duit untuk melabur dalam negara sendiri.

Ini saya ingin tahu bagaimana sambutannya dan kalau sambutan ini sejuk atau tidak dapat diterima oleh mereka, apakah yang menakutkan mereka membawa balik. Adakah bila sampai di lapangan terbang kena periksa begitu begini, atau adakah bawa balik itu melalui bank draft, tidak merupakan emas ketul atau wang tunai, tentulah tidak merupakan wang tunai, adakah akan ditanya oleh pihak Kastam kenapa bawa duit, barangkali sebab-sebab itu yang menyebabkan jutawan-jutawan kita takut hendak bawa balik duit. Kalau mereka masih merasa takut keselamatan duitnya, keselamatan hartanya tidak terjamin kalau dibawa balik ke dalam negeri, adakah Kementerian Kewangan telah mengadakan kajian, siasatan yang rapi mengenai dengan hal ini sebab perkara ini saya teringat telah dibincangkan dalam Dewan ini dua tahun yang lalu, kalau tidak salah saya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat, juga di Dewan Negara menyatakan bahawa mulai tahun taksiran 1987 mereka yang mempunyai hutang di dalam cukai pendapatan, di dalam Bab 2 pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, dengar perkara ini diumumkan dan pagi esoknya melalui RTM, melalui suratkhabar sesiapa yang berhutang cukai pendapatan, mulai tahun taksiran 1987 akan dikenakan bayaran potongan tiap-tiap bulan. Jadi apa yang saya dengar

daripada reaksi orang ramai, daripada mereka yang terlibat, kalau sekarang ini dikenakan potongan setahun sekali untuk menyelesaikan hutang cukai pendapatan kepada kakitangan awam yang makan makan gaji ataupun kepada mereka yang berhutang kena denda sekian-sekian kalau lambat membayar, itu bagi orang yang berpendapatan kecil, yang ada hutang sebanyak sedikit kepada cukai pendapatan, hutang kepada Kerajaan. Cara Kerajaan hendak mengutip hutang ini dengan cara potongan bulanan memang baik, kalau satu orang ada hutang cukai pendapatan \$1000, dia kena potong 10 bulan, boleh dipotong daripada gajinya \$100 sebulan dan kepada orang-orang yang bermiaga macam mana cara hendak potong tiap-tiap bulan. Ini juga kita ingin penjelasan daripada pihak Kerajaan.

Kalau tadi seorang Ahli Dewan ini bercakap, ada peniaga-peniaga yang menyembunyikan kunci kira-kira tahunannya, lain buku yang ditunjukkan, lain buku yang dijadikan buku hariannya, ini juga tidak dapat dikesan. Ini berlaku dalam negeri tetapi melalui Dewan ini juga saya pernah bertanya dan kita dapat maklumat bahawa hutang cukai pendapatan oleh rakyat Malaysia yang masih bermastautin dan yang sudah tidak bermastautin dalam Malaysia, cukai pendapatan dari-pada syarikat-syarikat berdaftar dalam Malaysia, beroperasi di Malaysia dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia tetapi beroperasi ada hubung kaitnya dengan luar negeri, jumlah cukai pendapatan itu amat banyak, berbillion-billion, saya mendapat jawapan daripada pihak Menteri Kewangan. Sayang, saya tidak bawa angka itu yang memang ada tercatat dalam Hansard kerana saya tidak terfikir saya akan kemukakan perkara ini pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi jumlah wang cukai pendapatan itu berbillion-billion, sudah memakan masa yang lama.

Adakah hutang ini Kerajaan biarkan sahaja begitu, mereka suka hendak bayar - bayarlah, tidak suka pun tidak apalah. Jadi ini macam mana, ini hutang kepada negara, ertinya duit negara, kenakan denda, kenakan penalti, makin lama makin bertambah. Kalau tuanpunya syarikat itu mati atau syarikat itu dengan sendirinya dikeluarkan daripada pendaftaran syarikat, dia kata kami sudah bankrap, dia sanggup dibawa pergi ke mahkamah, jatuhkan hukuman bankrap, jadi hutang cukai yang sekian banyak tidak dapat dibayar, yang sepatutnya ada dalam kira-kira kewangan negara, tetapi sampai masanya benda itu kita tidak tengok dan hangus. Satu masa nanti Kerajaan akan bawa dalam Dewan ini minta supaya ini dilupuskan, minta persetujuan Dewan ini untuk melupuskan cukai **itu**. Kita pun bangun, sokong, kita pun lupuskan cukai itu.

Kalau begitu perkara ini senang sahaja, ada satu masa hendak minta kita sokong kemudian di satu masa hendak dilupuskan, kitapun minta sokong lupuskan, kita pun lupuskan. Tetapi ekoran daripada itu, kepada pengkaji-pengkaji, kepada mereka yang disebut ahli-ahli ekonomi mengkaji macam mana perkembangan ekonomi negara, macam mana pertumbuhan ekonomi negara ini dari segi duit yang begitu banyak, tetapi Kerajaan tidak dapat melaksanakan.

Di dalam undang-undang yang lain, buang sampah sahaja boleh denda \$500. Adakah kesalahan membuang sampah dengan kesalahan mengelakkan cukai ini lebih berat daripada kesalahan membuang sampah? Ini patut kita selesaikan masalah ini. Kalau semalam dalam soal jawab, kita tanya orang asing yang berniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di Pasar Chow Kit, Datuk Keramat, kompound yang paling tinggi \$500. Saya tidak fikir selama ini mereka dikenakan kompound \$500, lebih-lebih \$20, \$30, sedangkan denda yang paling tinggi \$500, sedangkan mereka bukan rakyat. Mereka sudah berniaga di tempat yang tidak boleh berniaga, mereka membuat kekotoran di situ mendatangkan bau yang hamis, kompound yang paling tinggi \$500, sama dengan denda membuang puntung rokok - \$500.

Kemudian denda kepada orang yang mlarikan cukai pendapatan, saya biasa mengikuti seorang kawan yang kena panggil ke mahkamah kerana tidak membayar cukai pendapatan. Sampai di mahkamah dia mengaku dia tidak boleh bayar. Sampai di mahkamah, kata tangguh. Tidak apa. Begitu mudah undang-undang yang kita buat, begitu mudah peraturan-peraturan yang kita buat di dalam masalah kewangan sedangkan negara kita memerlukan wang. Kita memerlukan duit yang banyak untuk pengurusan dan pembangunan. Sebab itu setiap kali apabila

kita membahaskan masalah undang-undang yang ada hubung kait dengan duit, dengan pinjaman, dengan tambahan dan sebagainya, kita minta supaya Kerajaan berhati-hati di dalam membelanjakan setiap sen wang negara.

Di dalam pungutan cukai ini juga, Kerajaan mesti meneliti dan berkeras betul biarlah orang kata jadi macam "paku belanda", "kedekut macam tangkai jering" pun tidak **apa**, untuk faedah negara kerana tidak timbul zalim. Tida ada orang kata zalim kalau Kerajaan menarik cukai sipiutang cukai tadi. Orang tidak boleh kata kita zalim. Sipiutang tidak boleh menudah Kerajaan zalim kerana kita ada undang-undang. Sesiapa yang engkar, sekian penaltinya, siapa yang engkar sekian dendanya. Tetapi belum ada orang yang engkar membayar cukai pendapatan masuk jel, belum ada. Kerajaan masih memberi ke-longgaran, "Bila awak boleh bayar?" "Tahun depan?" Dikenakan denda sehingga denda itu dinaikkan kepada 100%. Tetapi yang berhutang cukai pendapatan yang berbillion-billion ini bukan orang yang ber-pendapatan rendah. Mereka ini jutawan-jutawan, peniaga-peniaga, pengilang-pengilang, saudagar-saudagar yang mempunyai Juru Kira berauliah.

Di dalam kita membahaskan pindaan Fasal kewangan **ini**, bab-bab **ini**, Fasal 15 dicadangkan meminda Seksyen 153 Akta yang menghendaki Juru Runding Cukai membayar yuran di atas permohonan bagi mendapatkan kelulusan atau memperbaharui kelulusan untuk menjadi Akauntan. Ada, mereka ini menggunakan Juru Kira berauliah, sebab dalam borang cukai taksiran itu, kalau untuk akaun persendirian, tandatangan sendiri. Kalau bagi pihak orang lain kena nyatakan kompeni apa? Di situ saya faham, Mereka ini bukan lagi kira suka-suka tetapi mempunyai kira-kira daripada Juru Kira yang berauliah. Jadi Kerajaan boleh pegang kepada Juru Kira yang berauliah ini.

Saya bersetuju sangat kepada Fasal 15 ini untuk mengenakan kepada Juru Kira bertauliah, Juru Runding Cukai tadi, apabila dia hendak memberi kelulusan, kebenarannya dikenakan yuran. Kalau itu melanggar peraturan ini, dia boleh dikenakan denda atau dipanggil ke mahkamah untuk ditanya. Tentulah mereka nanti akan mengambil Peguam Bela pula, maka berpanjang-panjanglah cerita itu sehingga larut-larutan, makan bertahun-tahun satu kes kerana kes cukai sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara ini yang pada saya, saya rasa saya minta keterangan daripada pihak Kerajaan daripada Menteri Kewangan menerangkan - yang pertama, hutang cukai pendapatan yang jumlahnya begitu banyak sehingga sekarang. Dalam jawapan dahulu mengatakan Kerajaan belum lengkap undang-undang, "kita akan bereskan di satu masa". Saya teringat jawapan itu dan jawapan yang kedua, mengenai cukai pendapatan yang akan dipotong melalui gaji bulanan. Ini sudah tentulah nanti yang akan terkena kepada kakitangan awam yang mempunyai rekod gaji setiap bulan. Kerajaan sedar di dalam membentangkan ini tadi, Timbalan Menteri ada menyatakan adanya majikan-majikan yang cuai di dalam melaksanakan, terdapat majikan-majikan yang tidak mematuhi arahan untuk memotong cukai daripada pekerja-pekerjanya. Ini Kerajaan sedar. Apabila Kerajaan telah sedar, maka Kerajaan membawa pindaan ini ke dalam Dewan **ini**. Saya ucapkan syabas dan terima kasih. Selama ini Kerajaan sedar tetapi Kerajaan tidak membawa perkara ini ke dalam Dewan. Apabila kita menghadapi recession, kita menghadapi kemelesetan, kelembapan ekonomi macam **ini**, kita buat beberapa pindaan yang begini banyak,

fasal-fasal yang begini banyak untuk hendak melengkapkan, untuk hendak memperkemaskan lagi Undang-undang Kewangan kita ini.

Satu perkara lagi, di dalam waktu membentangkan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan berlaku kebocoran di dalam sistem pungutan cukai pendapatan disebabkan pengecualian yang meluas kepada badan-badan dan organisasi-organisasi. Inipun kita berterima kasih kerana Kerajaan sedar adanya berlaku kebocoran. Kebocoran ini, bahasa yang agak baik. Bahasa yang kasar dikatakan menyeleweng, Kerajaan sedar adanya berlaku penyelewengan kepada mereka yang mengelakkan cukai ini, Kerajaan sedar dan Kerajaan bersedia memperkemas dan memperkatakan lagi aturan-aturan ini. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan.

Kemudian tadi, ada satu pindaan lagi mengenai dengan syarikat-syarikat harta tanah yang memindahkan saham begitu begini. Satu masa dahulu kita telah meluluskan dalam Dewan ini, kalau ada satu syarikat yang bertujuan di dalam syarikat harta tanah, dia menjual kompeninya, kita boleh kenakan cukai. Adakah ini sudah berjalan, adakah ini telah dilaksanakan dan adakah di antara mereka yang telah dikesan mlarikan cukai ini.

Ada satu lagi pindaan tadi, kalau tidak silap saya, saya dengar mengenai dengan hal panggung wayang. Pindaan-pindaan kepada Akta duti sewa filem, sinematograf, hendak dinaikkan atau hendak diturunkan tiket wayang. Inipun kita pinda juga, Orang hendak menengok wayang, orang hendak naikkan harga tiket pun kita terpaksa luluskan dan kita setujulah.

Sekarang ini sudah banyak panggung-panggung wayang yang sudah ditutup. Tidak tahu nanti ada panggung wayang yang macam mana lagi yang kita hendak kenakan tax cara bentuk baru.

Kemudian berkenaan dengan cukai perkhidmatan. Sekarang ini ke mana-mana kita pergi makankah atau tidur, di sana ada cukai perkhidmatan. Cukai perkhidmatan ini pun saya minta Kerajaan meneliti betul-betul supaya tiada pengguna-pengguna yang menjadi mangsa. Kalau hendak suruh orang ikut bersenang hati dikenakan cukai pendapatan tetapi saya minta Kerajaan supaya meneliti cukai perkhidmatan ini supaya jangan pengguna-pengguna yang menjadi mangsa kepada penganjur-penganjur, tuan-tuan punya firma tadi mendapat untung. Tetapi sebagaimana kata seorang Ahli Yang Berhormat tadi dia boleh menyembunyikan kira-kira itu. Jadi, keuntungan daripada cukai perkhidmatan Kerajaan tidak dapat, pengguna yang kena jadi dia yang cerdik. Orang yang mencari keuntungan tadi yang cerdik. Jadi, adakah Kerajaan menyedari tentang ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan-pindaan ini banyak hubung kaitnya dengan perkataan-perkataan yang ada hubungan dengan kalimat-kalimat undang-undang saya tidak dapat hendak menyentuh lebih jauh misalnya pinjaman \$250 juta tadi dilupuskan daripada cukai jikalau ada kelulusan Menteri; ini juga kalau saya hendak pertikaikan. Hutang boleh, Menteri Kewangan luluskan, cukai tidak ada.

Jadi, ini kita pun kena tanya juga, ini pinjaman macam mana **ini**, saya ingin tahu. Pinjaman yang macam mana, meminjam \$250 juta

Menteri luluskan, kita takut nanti di situ berlaku macam cerita-cerita BMF, macam cerita-cerita sekarang yang sangat panas yang semalam jatuh hukum, masuk penjara ini semua kita takut perkara-perkara yang seperti itu nanti berlaku pula ekoran daripada boleh pinjam apabila Menteri lulus tidak ada cukai, Jadi orang dengarkan \$251 juta orang boleh berniaga besar. Jadi, berlakulah macam di dalam orang memainkan saham dalam KLSE sehingga harga pasaran pun boleh jongkang-jongket pagi lain, tengah hari lain, petang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong dengan sepenuh hati Rang Undang-undang Kewangan 1986 untuk diluluskan di dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bahas? Kalau tidak ada, saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

#### 6.03ptg

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahas di bawah Rang Undang-undang ini. Sebenarnya pindaan-pindaan yang kecil ini yang dibentang di Dewan yang mulia ini adalah pindaan-pindaan yang bertujuan untuk melengkapkan Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang.

Segala pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan dari kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian tadi akan saya beri perhatian bersungguh-sungguh dan apa juga cadangan yang dikemukakan jikalau tidak ada kaitan dengan Rang Undang-undang yang kita bincangkan di sini akan dicatat dan dibawa balik ke Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said telahpun mencadangkan supaya Kerajaan khasnya pihak Kastam agar lebih ketat lagi dalam pungutan cukai jualan. Sukalah saya menyatakan bahawa pindaan Rang Undang-undang ini sememangnya adalah bertujuan sedemikian. Di bawan pindaan ini penalti telah din讐加 kepada 50% kepada seseorang berlesen yang gagal membayar cukai jualan.

Mengenai cadangan-cadangan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah bahawa tempoh baru dilanjutkan dari 36 bulan kepada 60 bulan, saya rasa pada masa sekarang tidak dapatlah dipertimbangkan. Ini adalah kerana jikalau cadangan ini dapat diluluskan ia akan membebankan lagi kewangan Kerajaan kita **ini**.

Juga mengenai pembayaran cukai jualan secara beransur-ansur, ini akan dikaji oleh Kementerian Kewangan sama ada ini perlu diluluskan pada masa yang akan datang atau tidak.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan soal mereka yang cuba menipu Kerajaan melalui bayaran cukai perkhidmatan yang kurang daripada apa yang patut dibayar. Kementerian Kewangan sedar bahawa masalah ini wujud dan langkah-langkah yang positif sedang diambil untuk membanteras kebocoran ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah supaya pungutan cukai diswastakan, ini saya anggap tidak dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan oleh kerana kalau ini dilaksanakan ianya mungkin akan menimbulkan lebih banyak lagi masalah, lebih banyak lagi kes-kes penipuan dan kebocoran cukai Kerajaan. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan akan mengkaji dengan lebih mendalam lagi pada masa yang akan datang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom adalah seorang Senator yang patut dipuji kerana sentiasa menyokong dengan sepenuh hati kepada Rang Undang-undang khasnya Rang Undang-undang daripada Kementerian Kewangan **[Ketawa]**.

Saya sememangnya menghargai teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya di sini ingin menyatakan bahawa kesemua cadangan yang dikemukakan oleh beliau itu akan diberi perhatian sepenuh hati juga.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom bahawa bagi mereka yang membawa balik wang dari luar negeri ke dalam Malaysia, negara yang kita cintai ini, telahpun diberi pengecualian cukai. Tetapi sambutan terhadap kemudahan ini tidaklah begitu memuaskan setakat ini. Mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini mempunyai kawan-kawan yang boleh dikategorikan sebagai jutawan-jutawan boleh mempengaruhi mereka membawa balik wang mereka yang disimpan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan bahawa potongan cukai bulanan untuk peniaga-peniaga, saya anggap bagi pihak Kementerian Kewangan langkah ini masih tidak dapat dilaksanakan kerana masalah pentadbiran dan masalah ekonomi negara kita sekarang masih lembab.

Walau bagaimanapun, cadangan ini akan dikaji oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah kuasa Kementerian Kewangan.

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap mereka yang cuba mengelakkan cukai pendapatan dan cukai-cukai lain juga. Bagi mereka yang didapati salah, tindakan mahkamah yang hebat akan diambil. Di sini saya ingin memeritahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa beberapa kes berkenaan dengan pengelakan cukai Kerajaan telahpun dihadapkan ke mahkamah dan langkah ini yang diambil oleh Kementerian Kewangan nampaknya sangat berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lagi satu perkara yang saya ingin menyentuh iaitu syarikat berasaskan tanah yang menjual syer telah dikenakan cukai setem sebagai satu langkah untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak dapat memberi jawapan satu persatu kepada semua masalah atau cadangan yang dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu. Lagi stu perkara yang ingin saya memberi sedikit jawapan iaitu pinjaman yang diluluskan seperti yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom adalah bertujuan bagi menggalakkan pelaburan dan memudahkan pelaburan modal untuk mendapatkan modal yang lebih. Dengan ini modal dari luar negeri akan dapat masuk dengan mudah lagi dan saya anggap ini akan dapat memudahkan pertumbuhan ekonomi negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah Rang Undang-undang yang saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dan cadangan-cadangan lain yang mungkin tidak ada kaitan rapat dengan Rang Undang-undang ini akan juga diberikan perhatian sesungguhnya. Dengan ini, saya sekali lagi memohon mencadangkan.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemu akan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 47** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### **6.08 ptg.**

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang,

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang pindaan ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi memperbaiki dan memperkuuhkan lagi peruntukan-peruntukannya untuk memberi perlindungan tambahan pada kepentingan pelabur-pelabur dan juga untuk menghapus-

kan anomali-anomali yang telah dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 telah dikuatkuasakan dalam tahun 1966 hagi mengawasi tindak-tanduk pihak-pihak yang terlibat dalam operasi syarikat bagi menjamin supaya pelabur-pelabur kecil tidak tertindas dan bagi memastikan supaya suasana pelaburan berkembang dengan sihat.

Akta ini merupakan suatu perundangan yang selalu mengambilkira perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan yang berlaku dari masa ke semasa, dan oleh yang demikian adalah perlu ianya dipinda supaya selaras dengan aliran semasa sektor Korporat yang semakin sofistikated. Akta ini telah dipinda sebanyak tiga kali semenjak penguatkuasaannya iaitu dalam tahun 1969, 1970 dan pada kali terakhir dalam tahun 1985. Kerajaan sentiasa sedia menerima cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan dari badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan dan badan-badan lain untuk memperbaiki dan memodenkan lagi Akta Syarikat 1965 dengan tujuan untuk memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat dalam sektor korporat khususnya dan negara amnya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini meliputi empat bidang utama yang akan saya terangkan satu persatu.

Salah satu bidang yang terlibat dalam Rang Undang-undang ini ialah berkaitan dengan perlunya satu prospektus dibuat bagi sesuatu terbitan hak (rights issue), dengan izin. Di bawah peruntukan Akta Syarikat yang sedia ada, sesuatu tawaran saham yang dibuat kepada anggota syarikat adalah dianggap sebagai bukan tawaran kepada orang awam. Oleh yang demikian sekiranya sesebuah syarikat membuat terbitan hak (rights issue) kepada anggota-anggotanya, ia adalah dikecualikan daripada mengeluarkan dan mendaftar suatu prospektus di Pejabat Pendaftar Syarikat untuk maklumat mengenai syarikat. Biasanya, seseorang anggota syarikat dianggap mengetahui hal-hal mengenai syarikatnya tetapi sekarang, banyak daripada syarikat-syarikat, terutamanya syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham ada membuat terbitan hak kepada anggota-anggotanya yang boleh dipindah-

milikan (renounceable rights issue) kepada orang-orang yang bukan anggota-anggota syarikat. Dalam keadaan ini, adalah difikirkan perlu maklumat-maklumat wajar diberi kepada pelabur-pelabur, terutama mengenai sebab-sebab mengapa syarikat memerlukan modal tambahan dan juga mengenai kedudukan kewangan syarikat, supaya pelabur-pelabur dapat membuat taksiran yang sewajarnya sebelum membuat pelaburan dengan cara memberi hak yang diterbitkan itu. Oleh yang demikian, pindaan dibuat kepada seksyen 4(6) supaya sesuatu terbitan hak yang boleh dipindah milik boleh dianggap sebagai suatu tawaran kepada orang awam (offer to the public), dengan izin.

Selanjutnya seksyen baru 39A diperkenalkan supaya mewajibkan sesebuah syarikat, yang membuat terbitan hak yang boleh dipindah-milik, mendaftarkan prospektus ringkas (abridged prospectus), dengan izin, mengikut bentuk dan kandungan seperti di Jaduan Kelima - A yang baru yang mengandungi maklumat-maklumat wajar yang difikirkan boleh membantu seseorang pelabur membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, bidang kedua yang disentuh oleh Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan urusan pengarah-pengarah.

Kuasa pengarah diberi kepada mereka untuk menjaga kepentingan syarikat bagi faedah pemegang-pemegang saham dan bukan untuk faedah pengarah sendiri, atau sebahagian daripada pemegang saham ataupun syarikat induk atau anak syarikat. Ada kalanya pada masa kenaikan harga harta tanah kemuncak pengarah-pengarah, yang biasanya merupakan pemegang-pemegang saham majoriti, menjalankan sesuatu urusan untuk mendapat keuntungan bagi diri sendiri, misalnya dengan menjual harta mereka kepada syarikatnya dengan harga yang tinggi ataupun membeli harta daripada syarikatnya dengan harga yang rendah dan kemudiannya menjualkan untuk mendapat keuntungan dan ada kalanya terdapat

pengarah-pengarah yang tidak bertimbangrasa dan bertanggungjawab, menjualkan harta-hartanya kepada syarikat dengan harga-harga mengikut penilaianya pada masa harga hartanah itu tinggi untuk mendapat keuntungan. Pemegang-pemagang saham, walaupun terdiri daripada majoriti, tidak berupaya menghalang tindakan pengarah. Pengarah-pengarah mengambil kesempatan dengan menggunakan kuasanya untuk kepentingan diri tanpa memikir kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti.

Oleh itu seksyen baru 132E adalah dicadangkan untuk memberi perlindungan kepada kepentingan pemegang-pemegang saham, terutamanya pemegang-pemegang saham minoriti. Seksyen baru ini mewajibkan kelulusan diperolehi terlebih dahulu ataupun ratifikasi dalam jangka masa yang munasabah oleh syarikat dalam Mesyuarat Agung apabila seorang pengarah memperolehi daripada ataupun memindahkan hartanya (selain daripada wang tunai) yang bernilai lebih daripada nilai tertentu kepada syarikat. Seksyen ini juga digunakan bagi sebarang perolehan atau pemindahan harta oleh seseorang pengarah syarikat induk dan dalam keadaan **ini**, kelulusan atau statifikasi juga mesti diperolehi daripada Mesyuarat Agung syarikat induk.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa **ini**, sesebuah syarikat, kecuali sebuah syarikat persendirian yang terkecuali (exempt private company), dengan izin, adalah dilarang oleh seksyen 133 Akta Syarikat dari memberi pinjaman ataupun memberi sekuriti untuk sesuatu pinjaman yang diberi kepada seorang pengarah syarikat. Walau bagaimanapun pengarah-pengarah syarikat yang tidak bertanggungjawab selalunya mengelakkan diri daripada larangan ini dengan cara memberi pinjaman, atau memberi sekuriti untuk pinjaman kepada saudara-mara-

nya ataupun syarikat-syarikat yang dikuasai olehnya untuk mereka sendiri.

Seksyen baru 133A yang dicadangkan adalah bermaksud untuk menghalang pengarah-pengarah dari menggunakan jalan keluar yang terdapat di dalam undang-undang ini untuk mengeluarkan wang dari syarikat dan menyebabkan kerugian ditanggung oleh pemegang-pemegang sahamnya. Pengecualian adalah diberi di dalam hal di mana syarikat adalah sebuah bank atau syarikat kewangan, jika pinjaman yang diberi adalah di atas urusan perniagaan biasanya.

Pada masa ini, seseorang pengarah boleh mengelakkan dirinya daripada tindakan undang-undang cara menggunakan seseorang yang ada hubungan dengan beliau atau seseorang di bawah kawalan beliau termasuk mana-mana syarikat di bawah kawalan beliau. Bagi tujuan menyekat seseorang pengarah melakukan tindakan sedemikian, seksyen baru 122A yang dicadangkan menentukan takrif bagi orang-orang yang ada hubungan dengan seseorang pengarah sesebuah syarikat. Larangan-larangan yang akan diperuntukkan di seksyen 132E dan 133A yang diterangkan tadi adalah juga terpakai kepada orang-orang yang ada hubungan dengan seseorang pengarah syarikat.

Di bawah peruntukan seksyen 132C yang ada sekarang, pengarah-pengarah syarikat adalah dilarang melupuskan sebahagian besar dari pada hartabenda syarikat tanpa mendapat kelulusan Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Peruntukan ini adalah bertujuan memberi perlindungan kepada anggota-anggota minoriti. Walau bagaimanapun pengarah-pengarah syarikat masih mempunyai budibicara untuk menggunakan asset-asset syarikat ataupun menambah liabiliti syarikat bersabit dengan perolehan hartabenda yang mungkin menjelas perjalanan

an syarikat. Adalah difikirkan bahawa penggunaan budibicara pengarah, perlu ditegah supaya kepentingan anggota-anggota syarikat tidak terjejas. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 132C mewajibkan pembelian hartabenda yang bernilai tinggi terlebih dahulu diluluskan dalam Mesyuarat Agung.

Rang Undang-undang ini juga menyentuh peruntukan seksyen 179 untuk memberi kuasa tambahan kepada Panel Pengambilalihan dan Pergabungan yang dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana mengikut peruntukan sekarang, Panel tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan ataupun menegur secara rasmi mana-mana pihak yang didapati melanggar prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang terkandung di dalam Kod Pengambilalihan dan Pergabungan. Sungguhpun kod tersebut, masih belum dikuatkuasakan setakat ini oleh kerana beberapa sebab yang tertentu, Panel Pengambilalihan dan Pergabungan merasa bahawa tanpa kuasa sekatan atau teguran rasmi ia akan hanya menjadi, 'toothless watch-dog', dengan izin, dan tidak dapat menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat. Dengan demikian subseksyen 7A yang baru ditambah kepada seksyen 179 bagi memperuntukkan kuasa kepada Panel tersebut untuk mengenakan sekatan atau menegur secara rasmi mana-mana pihak yang didapati bersalah dari segi Kod Pengambilalihan dan Pergabungan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menjelaskan bahawa Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pihak pekerja-pekerja syarikat yang diletakkan di bawah proses penerimaan (receivership). Pada masa ini beberapa buah syarikat telah diletakkan di bawah proses penerimaan (receivership) dan ada juga yang digulungkan oleh pemutang-pemutangnya. Seseorang penerima atau seseorang penyelesai ketika menyelesaikan hutang-hutang sesebuah syarikat adalah dikehendaki mematuhi syarat-

syarat keutamaan seperti yang ditetapkan oleh seksyen-seksyen 191 dan 292. Mengikut seksyen-seksyen tersebut, hutang yang merupakan tunggakan gaji, pampasan pekerja dan sebagainya adalah diberi keutamaan lebih daripada hutang-hutang yang lain, kecuali hutang-Hutang yang bercagar.

Walau bagaimanapun, jumlah maksima pada masa ini yang boleh dibayar oleh seseorang penerima atau penyelesai mengenai gaji atau upah kepada pekerja-pekerja bagi kerja-kerja yang telah dilakukan adalah ditetapkan tidak melebihi satu ribu lima ratus ringgit (\$1,500.00) sahaja. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, berapa lama lagi?

**Tuan M.G. Pandithan:** Lagi satu minit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

Oleh yang demikian adalah, adalah dicadangkan had bayaran yang terdapat di seksyen 292 dipinda supaya memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menetapkan suatu had bayaran yang lebih realistik yang boleh diubahsuai dari masa ke semasa mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi menjaga kepentingan awam khususnya, pelabur-pelabur kecil serta para pekerja syarikat,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.**

**[Jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 22 adalah diberi di bawah ini]**

**PENSWASTAAN KTM**

18. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Pengangkutan memberi penerangan mengapa nilai pajakan KTM bagi penswastaan adalah hanya \$1/-.

**Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik]:** Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Dato' yang berkenaan kepada ucapan Pelanjawan 1987 di mana Menteri Kewangan Malaysia telah menyatakan ".....Kerajaan bersedia untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu dengan memajakkannya pada harga nominal sebanyak 1 ringgit kepada mana-mana pihak yang sanggup menjalankannya secara komersial, tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dirundingkan". Dalam hal ini 1 ringgit adalah harga nominal tetapi proses penswastaan KTM adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dirundingkan,

**NILAI MATAWANG MALAYSIA**

19. **Puan Hasanah binti Mohd. Kasim** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan akan menilaikan semula matawang Malaysia.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Jawabnya tidak. Sebabnya telahpun saya terangkan di dalam jawapan kepada soalan bentuk yang sama pada 11hb. Disember yang lalu.

**PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH - PELAKSANAAN**

20. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauhmana berkesannya perlaksanaan perpustakaan di sekolah-sekolah rendah, apa yang ditahamkan pada masa sekarang tidak ada guru-guru perpustakaan khas untuk sekolah-sekolah rendah, yang ada hanya guru-guru sambilan sahaja. Apakah rancangan Menteri bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Program perpustakaan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah pada keseluruhannya memang ada memberi kesan yang baik di kalangan murid-murid, umpamanya mendedahkan mereka kepada berbagai buku bacaan tambahan dan rujukan, meningkatkan minat membaca dan meluaskan pengetahuan dalam pelajaran masing-masing.

Pada masa ini memang tiada guru perpustakaan khas di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun perjalanan perpustakaan dapat dikendalikan oleh guru-guru yang telah diberi kursus-kursus pengurusan perpustakaan. Perancangan seterusnya mengenai perpustakaan akan dibuat bila ada peruntukan yang mencukupi.

**PENDATANG HARAM FILIPINA**

21. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang haram dari Filipina hingga tarikh ini di Sabah;
- (b) jumlah perlindungan politik dari Filipina yang berada di Sabah; dan
- (c) apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan pendatang haram dan perlindungan politik dari Filipina di Sabah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai statistik mengenai pendatang-pendatang haram dari Filipina yang berada di Sabah oleh kerana kemasukan mereka adalah secara haram dan menyalahi undang-undang Imigresen. Mereka sentiasa menjauhkan diri dari pihak berkuasa kerana mereka takut dikenakan tindakan mengikut kehendak undang-undang Imigresen.

Soal perlindungan politik tidak timbul memandangkan orang-orang Filipina yang berada di Sabah adalah orang-orang pelarian. Oleh yang demikian tidak ada orang-orang Filipina yang meminta atau diberi perlindungan politik.

Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam sentiasa bekerjasama dan menyokong Badan Islam Dunia tersebut untuk mencari penyelesaian masalah pelarian Filipina di Sabah. Masalah pelarian Filipina itu adalah dianggap sementara dan mereka akan pulang ke negara asal mereka apabila masalah itu dapat diselesaikan kelak.

Mengenai tindakan ke atas pendatang haram, sukacita saya tegaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan terus bertindak tegas terhadap semua pendatang haram di negara ini. Mana-mana pendatang haram yang dikesan akan terus ditangkap, didakwa dan

diusir keluar dari Malaysia. Selain daripada tindakan tersebut, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi kawalan dan rondaan di kawasan-kawasan sempadan daratan dan perairan Malaysia. Tindakan ini di laksanakan oleh Jabatan Imigresen, Polis Di Raja Malaysia dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan.

#### DEMAM DENGGI

22. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan orang yang kena penyakit demam denggi di negara kita ini dari bulan Januari hingga 31hb Oktober 1986 mengikut negeri-negeri berkenaan dan berapa ramai pula yang menjadi korban akibat penyakit tersebut.

**Dato' Chan Siang Sun;** Dalam tahun ini sehingga 31hb Oktober 1986, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan di seluruh negara adalah 1260 kes. Ini termasuk 276 kes demam denggi berdarah. Pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perlis	-	1
Kedah	-	10
Pulau Pinang	-	200
Perak	-	212
Selangor	-	212 (1)
Wilayah Persekutuan	-	198 (4)
Negeri Sembilan	-	58
Melaka	-	2
Johor	-	63 (1)
Pahang	-	81 (1)
Terengganu	-	25
Kelantan	-	19 (1)
Sabah	-	11
Sarawak	-	168

Bagi tempoh yang sama seramai (8) orang telah terkorban oleh penyakit ini.

**Nota:** Angka dalam kurungan ialah angka kematian.